



SELANGOR

www.selangorkini.my Media_Selangor
 selangortv.my MediaSelangor

PERCUMA 8 - 14 November 2017, 19 - 25 Safar 1439



Pintu gerbang ASEAN



Ibu dihargai



Pendidikan terus diupaya



*yang muda datang berselfie,
demam diberi kad peduli,
musafir naik bas free,
untuk berniaga modal diberi,
ibu-ibu tetap dikasihi*

Dato' Seri Mohamed Azmin Ali
Dato' Menteri Besar

BELANJAWAN 2018 NEGERI SELANGOR

MEMBANGUN BANGSA MEMAKMUR NEGERI

BERITA PENUH MUKA 3

SACC MALL SHAH ALAM
11 - 12 NOVEMBER 2017

Enjoy the uniqueness of all collector hobbies community in SACC Mall, Shah Alam.

→ ORIGAMI → MINI 4WD CHAMPIONSHIP → BATTLE OF FINGERBOARDER
→ LEGO GAMES AND CUSTOM BRICK ARTS → SHAH ALAM CYPHERCALL

FOR MORE INFO, CALL: 03-5510 4600

KOMPLEKS PKNS SHAH ALAM
11 - 12 NOVEMBER 2017

Enjoy the uniqueness of community hobbies in Kompleks PKNS Shah Alam.

→ KIDS GO CART → SKY DANCERS → SYNTHETIC ICE RINKS → IRON MAN MASCOT
→ PONEY RIDES AROUND SACC WALK → HOT AIR BALLOON

FOR MORE INFO, CALL: 03-5513 3845



Rizab dan hasil bertambah

Kewangan catat lebihan RM178.22juta

PRESTASI KEWANGAN NEGERI SELANGOR



PRESTASI kewangan Selangor terus kukuh dengan mencatatkan lebihan RM178.22 juta sehingga 31 Oktober lalu, umum Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Prestasi memberangsangkan itu turut menyumbang peningkatan rizab negeri kepada RM3.24 bilion, berbanding RM3.05 bilion, pada 31 Disember 2016.

Sementara itu, Selangor mencatatkan kutipan hasil RM2.49 bilion, pada 2016 menerusi kutipan hasil cukai RM594.68 juta, hasil bukan cukai (RM1.72 bilion) dan terimaan bukan hasil (RM184.53 juta).

Kutipan hasil pada 2017 turut menyaksikan peningkatan kepada RM2.50 bilion menerusi hasil cukai RM625.77 juta, hasil

bukan cukai (RM1.67 bilion) dan terimaan bukan hasil (RM206.63 juta).

Terdahulu, Mohamed Azmin mengumumkan belanjawan 2018 sejumlah RM3.12 bilion, dengan tumpuan memacu ekonomi dan menyediakan pembangunan untuk meningkatkan kualiti hidup dan kesejahteraan rakyat.

Lebih 53% belanja pembangunan

KERAJAAN Negeri mengumumkan peruntukan RM3.12 bilion bagi Belanjawan Selangor 2018 dengan 53.2 peratus diperuntukkan untuk belanja pembangunan.


Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, belanja pembangunan merangkumi RM1.66 bilion, sementara baki RM1.46 bilion diperuntukkan bagi belanja pengurusan meliputi 46.8 peratus.

Katanya, ia adalah tahun keempat berturut-turut Kerajaan Negeri melebihi belanja pembangunan daripada belanja pengurusan.

"Ini selaras prinsip 'ex ante accountability' dalam perancangan dan pengurusan belanjawan.

"Ia bagi memacu ekonomi dan pembangunan yang menjamin kesejahteraan juga kualiti hidup rakyat," katanya.

Mohamed Azmin berkata, belanjawan kali ini juga dijangka mengalami defisit RM870 juta



ekoran peruntukan pembangunan substantif keperluan pembangunan mampan.

"Pengalaman tiga belanjawan lalu membuktikan Kerajaan Negeri melaksanakan perbelanjaan berhemah, perkukuh budaya kerja cekap, berintegriti, tiada pembaziran serta ketirisan.

"Ia berjaya ubah belanjawan defisit kepada belanjawan berimbang dan mengurangkan belanjawan defisit kepada jumlah munasabah," katanya.

Ini selaras prinsip 'ex ante accountability' dalam perancangan dan pengurusan belanjawan. Ia bagi memacu ekonomi dan pembangunan yang menjamin kesejahteraan

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar

Bukan belanjawan gula-gula

KOMITMEN Kerajaan Negeri membela nasib rakyat terus menjadi keutamaan menerusi Belanjawan 2018, kata Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, belanjawan itu meneruskan tradisi Kerajaan Negeri diterajui Pakatan setiap tahun untuk meningkatkan taraf hidup rakyat melalui agenda Inisiatif Peduli Rakyat (IPR).

Katanya, ia juga bukan belanjawan pilihan raya dan berbeza dengan apa ditawarkan Kerajaan Persekutuan.

"Sudah bertahun-tahun kita bentangkan belanjawan untuk rakyat, bukan kroni dan tauke besar.

"Inilah kekuatan di Selangor.

Walaupun kita negeri maju dan banyak industri tetapi kita tidak lupa tanggungjawab kepada rakyat," katanya.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri tidak sekadar mengutamakan pembangunan di bandar tetapi turut mengambil kira kawasan luar bandar yang mendapat keutamaan berbanding tahun sebelumnya.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata, melalui pelaksanaan IPR, diharap hasil kekayaan negeri akan dinikmati rakyat secara optimum.

"Saya percaya belanjawan dibentangkan ini tiada golongan tertinggal dan terpinggir sama ada di bandar, luar bandar dan lainnya dengan semua mendapat manfaat," katanya.

Lebih menyeluruh daripada Persekutuan

BELANJAWAN Selangor 2018 disifatkan lebih tuntas, menyeluruh dan merangkumi semua aspek termasuk pembangunan ekonomi serta membina masyarakat penyayang berbanding Kerajaan Persekutuan.

Exco Pelaburan, Perindustrian & Perdagangan, Industri Kecil dan Sederhana (IKS) dan Pengangkutan, Dato' Teng Chang Khim berkata, belanjawan kali ini turut menyaksikan Kerajaan Negeri sekali lagi memperkenalkan inisiatif baru kepada rakyat.

"Saya kira rakyat Selangor akan hayati usaha Kerajaan Negeri meningkatkan kualiti hidup dan membina asas ekonomi kukuh untuk pembangunan ekonomi akan datang," katanya.

Katanya, Kerajaan Negeri turut meningkatkan pembangunan pelaburan bagi menjana ekonomi Selangor ke tahap lebih tinggi dengan menambah peruntukan penganjuran Selangor Business International Summit (SBIS) kepada RM9 juta dan Selangor Information Technology & Ecommerce Council (SITEC) sebanyak RM6 juta.

Chang Khim berkata, langkah menambah peruntukan bagi memperluaskan perkhidmatan bas percuma Smart Selangor dari RM20 juta kepada RM30 juta dan membina laluan basikal juga satu langkah tepat bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan awam.

Sementara itu, Speaker Dewan



Saya kira rakyat Selangor akan hayati usaha Kerajaan Negeri meningkatkan kualiti hidup dan membina asas ekonomi kukuh untuk pembangunan ekonomi akan datang

TENG CHANG KHIM
Exco Pelaburan

Negeri Selangor, Hannah Yeoh berkata, projek pembangunan yang dicadangkan memberi manfaat kepada rakyat.

Pada masa sama, katanya, beliau mengalukan kewujudan Tabung Penyayang dengan peruntukan RM200,000 untuk setiap Dewan Undangan Negeri (DUN).

"Tabung ini akan membantu Ahli Dewan Negeri dalam pelbagai kes ekoran peningkatan kos sara hidup yang semakin ketara hari ini," katanya.

Capai hasil ekonomi mampan

Belanjawan manfaat rakyat

KERAJAAN Negeri sekali lagi berjaya membentangkan belanjawan bermanfaat selama empat tahun berturut-turut demi kemudahan rakyat di Selangor, pada 2018.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, pembentangan Belanjawan 2018 membuktikan kemampuan Kerajaan Negeri ekoran hasil pencapaian ekonomi mampan.

"Prinsip yang kita pegang adalah fastabiqul khairat iaitu dengan mengajak semua berlumba membuat kebaikan yang sememangnya prinsip universal.

"Ahli Majlis Kerajaan Negeri dan Ahli Dewan Negeri sentiasa bekerja kuat serta berlumba melakukan yang terbaik bagi rakyat Selangor," katanya.

Terdahulu, Mohamed Azmin membentangkan Belanjawan 2018 berjumlah RM3.12 bilion, di Dewan Negeri Selangor (DNS).

Daripada jumlah itu, RM1.66

bilion atau 53.2 peratus diperuntukkan bagi belanja pembangunan, manakala RM1.46 bilion (46.8 peratus) bagi pengurusan.

Katanya, Kerajaan Negeri turut mencapai kemajuan membangunkan hasil pengurusan ekonomi baik serta berupaya mengembalikan hasil kekayaan negeri kepada rakyat.

"Ini satu kejayaan besar walau pada peringkat awal iaitu pada tiga tahun lalu kita menghadapi kesukaran tetapi selepas tempoh itu kita membuktikan belanja pembangunan besar dapat menjana aktiviti ekonomi, di Selangor.

"Sejak 2015, kita juga melaksanakan dasar penilaian perolehan secara 'cut off' dengan semua kerja perolehan dibuat secara terbuka dan sehingga hujung tahun ini, kita berjaya jimat RM432 juta.

"Dengan penjimatan sebegini besar, maka kita dapat mengemukakan belanjawan pembangunan besar pada 2018," katanya.



Penjawat awam terima durian runtuh

Penjawat awam Selangor menerima tambahan bantuan khas kewangan dari dua bulan kepada tiga bulan gaji, bagi tahun 2018.

Khabar gembira itu diumumkan Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali sebagai dorongan buat penjawat awam yang selama ini bekerja keras menyumbang kepada pembangunan negeri.

"Pembayaran dua bulan sudah dilakukan pada pertengahan Jun lalu, menjelang sambutan Aidilfitri.

"Untuk melengkapkan bantuan khas kewangan itu, satu bulan gaji akan dibayar pada 21 Disember ini bagi membantu penjawat awam membuat persediaan persekolahan anak," katanya.

Katanya, bantuan khas kewangan turut dinikmati 6,725 guru Kafa dan 371 Ketua Kampung Tradisi, 78 Ketua Kampung Baru Cina dan Kampung Bagan serta 48 Ketua Komuniti India.



"Pembayaran bantuan khas kewangan tiga bulan gaji memberi implikasi kewangan RM94.65 juta dengan pembayaran menggunakan peruntukan tahun ini dan dibayar tahun ini," katanya.

Pada masa sama, Mohamed Azmin turut mengumumkan program perlindungan skim insurans bersifat takaful berkelompok untuk penjawat awam sehingga

Gred 44.

Beliau berkata, pelaksanaannya bakal memberi manfaat kepada lebih 10,000 pembantu tadbir, pekerja rendah awam, anggota penguatkuasa, pegawai keselamatan dan pemandu.

"Skim ini akan dibiayai sepenuhnya Kerajaan Negeri dengan peruntukan RM3 juta dengan skop perlindungan komprehensif terdiri daripada kematian atau hilang upaya kekal ekoran kemalangan.

"Ia turut membabitkan bantuan khairat kematian, rawatan perubatan, elaun wad tunai, kematian ekoran penyakit atau selain dari kemalangan juga hilang upaya kekal menyeluruh akibat penyakit," katanya.

Selain itu, beliau berkata, pelaksanaannya turut meliputi bantuan perlindungan manfaat hospital termasuk rawatan perubatan pesakit luar, di hospital kerajaan atau swasta.



#Selangor18 lebih komprehensif

DATO' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali secara menyeluruh menyifatkan Belanjawan Selangor 2018 lebih bersifat komprehensif kepada rakyat, di negeri itu.

Beliau berkata, rakyat Selangor wajar menerima hasil kekayaan negeri menerusi pelaksanaan pelbagai dasar berkeadilan kepada golongan sasaran.

"Belanjawan yang sarat dengan Inisiatif Peduli Rakyat demi membangunkan bangsa dan memakmurkan negeri memberi kebaikan kepada rakyat, di setiap pelusuk negeri.

"Maka, rakyat datang berbondong-bondong merayakan kemenangan dan menikmati hasil mahsul negeri," katanya.

Dalam pembentangan belanjawan itu, beliau turut memetik hikayat lama merujuk kepada komitmen Kerajaan Negeri memartabatkan agenda peduli rakyat, di Selangor.

*"Yang capek datang bertongkat,
yang buta datang berpimpin,
yang pekak leka bertanya,
yang kecil terambin lintang,
yang jarak tolak tolakkan,
yang pendek tinjau meninjau;*

dan kini,

*yang muda datang berselfie,
demam diberi kad peduli,
musafir naik bas free,
untuk berniaga modal diberi,
ibu-ibu tetap dikasihi"*

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata, kejayaan pembentangan Belanjawan 2018 terhasil daripada keupayaan pentadbiran negeri yang kukuh mengangkat prinsip permuafakatan.

Beliau berkata, kejayaan Selangor kini dicemburui banyak pihak, namun ia tidak mematahkan semangat untuk terus menggalas amanah dengan penuh sabar dan bijaksana.

"Sebagai negeri kosmopolitan, perpaduan perlu berlandaskan semangat toleransi, kesederhanaan dan saling hormat-menghormati.

"Kerajaan Negeri amat prihatin berkenaan peningkatan insiden 'intolerance' dalam negara dengan toleransi semakin pudar dalam masyarakat yang mengundang Majlis Raja-Raja Melayu memberikan pedoman.

"Dengan tekad dan semangat untuk berjaya, Selangor kekal makmur dan rakyat kekal sejahtera," katanya.



Rancang naik taraf dan pembangunan

RM746 juta tingkat infrastruktur

SEJUMLAH RM746 juta atau 44.9 peratus daripada peruntukan belanja pembangunan diperuntukkan untuk infrastruktur, di Selangor.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, ia termasuk projek pembinaan baru dan menaik taraf jalan dan jambatan, projek tebatan banjir, penyelenggaraan parit dan saliran serta projek pembangunan bekalan air.


Katanya, Jabatan Kerja Raya (JKR) diperuntukkan RM200 juta dan antara projek utama ialah menaik taraf laluan Persiaran Mokhtar Dahari bernilai RM40

juta yang dijangka siap, pada 2019 dengan kos RM160 juta.

"Kerajaan Negeri juga akan meneruskan pelaksanaan dua projek pembangunan jalan bernilai RM272 juta, termasuk jalan alternatif dari Shah Alam ke Banting dengan peruntukan RM13 juta dan menaik taraf jalan dari Simpang Tiga Jenderam ke Pekan Sepang Lama sebanyak RM16.5 juta," katanya.

Mohamed Azmin berkata, rakyat Gombak juga turut menikmati jalan baru dan dinaik taraf dengan peruntukan RM36.7 juta.

Katanya, jalan baru meng-



hubungkan Kampung Sri Indah A ke Jalan Hospital Sungai Buloh juga akan dibina dengan kos RM5 juta.

"Projek menaik taraf jalan Kampung Lombong di daerah Klang dan Kuala Langat menelan kos RM16 juta akan dilaksanakan pada 2018," katanya.

Projek lain termasuk pembinaan tiga jalan baru yang

menelan kos RM32.4 juta.

Projek berkenaan adalah membina jalan sambungan Kota Warisan (RM10 juta), jalan dari Kajang ke Kampung Pasir, Sungai Lalang melalui perkampungan Naqasabandiah (RM1.3 juta) dan sambungan Sungai Kelambu ke Genting Sanyen (RM1 juta).

Sejumlah RM18.7 juta turut

diperuntuk bagi projek pembinaan jambatan dan jejantas, termasuk menggantikan jambatan melintasi Sungai Kundang, Gombak (RM6 juta) dan menggantikan jambatan lama di Kampung Rantau Panjang, Kuala Selangor (RM5 juta) serta projek menaik taraf jambatan di Sungai Rasah, Klang (RM3.7 juta).

STRATEGI KEDUA : MENINGKAT KESEJAHTERAAN, MENJAMIN KESELAMATAN

INFRASTRUKTUR DESA

MENYEDIAKAN INFRASTRUKTUR TERBAIK UNTUK MASYARAKAT DESA

2017

402

PROJEK LUAR BANDAR

RM 22.5 JUTA

2,874 KM

NAIK TARAF MELALUI PERUNTUKAN MARRIS

PROGRAM PENCERAPAN JALAN-JALAN KAMPUNG

RM 48.95 JUTA

TAHUN 2018

RM 20 JUTA

TAHUN 2018

MENAIKTARAF KEMUDAHAN AWAM DESA

- BALAI RAYA
- DEWAN ORANG RAMAI
- JAMBATAN KAMPUNG
- SISTEM PERPARITAN
- MENAIKTARAF JALAN-JALAN KAMPUNG

RM48 juta untuk infrastruktur desa

KERAJAAN Negeri tuntas dalam memperkasa pembangunan ekonomi nelayan, petani dan penternak, membasmi kemiskinan luar bandar, membangunkan ekonomi kampung tradisi serta menyediakan infrastruktur yang terbaik untuk masyarakat desa.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM 48.95 juta, pada 2018 untuk merealisasikan hasrat itu.

"Pada 2017, 402 projek luar bandar dilaksanakan dengan menelan belanja RM22.5 juta untuk membaik pulih jalan dan menaik taraf balai raya," katanya.

Katanya, Kerajaan Negeri melaksanakan program pencerapan jalan kampung sejauh 2,874 kilometer bagi tujuan menaik taraf melalui peruntukan MARRIS.

Bagaimanapun, katanya, Kerajaan Negeri juga sedia maklum bahawa masih ada jalan kampung yang memerlukan kerja menaik taraf.

"Maka, RM20 juta disediakan untuk menaik taraf kemudahan awam desa seperti balai raya, dewan orang ramai, jambatan kampung, sistem perparitan dan jalan kampung, pada 2018.

"Pegawai daerah digesa memberi perhatian kepada kerja menaik taraf jalan ladang dan jalan kebun," katanya.

Maka, RM20 juta disediakan untuk menaik taraf kemudahan awam desa seperti balai raya, dewan orang ramai, jambatan kampung, sistem perparitan dan jalan kampung, pada 2018. Pegawai daerah digesa memberi perhatian kepada kerja jalan ladang dan jalan kebun

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar

Bantuan anggota keselamatan naik setengah juta

USAHA menyantuni anggota keselamatan, khususnya Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) terus mendapat perhatian Kerajaan Negeri.

Terbaru, menerusi pembentangan Belanjawan 2018, Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali mencadangkan program itu diteruskan dengan menaikkan peruntukan kepada RM1.5 juta.

Katanya, bantuan itu disalurkan terus kepada anggota veteran ATM yang memerlukan bantuan kesihatan dan kebajikan keluarga.

"Kerajaan Negeri sentiasa menghargai jasa dan pengorbanan besar anggota keselamatan, khususnya ATM dan PDRM yang berjuang mempertahankan kedaulatan negara serta menjaga keselamatan rakyat Malaysia.

"Mulai 2017, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM 1 juta

untuk Tabung Pahlawan Angkatan Tentera yang disampaikan sendiri oleh saya dalam program ziarah keluarga veteran ATM, di setiap daerah," katanya.

Terdahulu, menerusi Belanjawan Selangor 2017, RM1 juta diperuntukkan bagi program kemasyarakatan dan kebajikan veteran angkatan tentera.

Pada masa sama, Mohamed Azmin turut mencadangkan RM1 juta bagi Program Latihan Kemahiran Pesara Veteran ATM Selangor sebagai sebahagian daripada skim latihan semula pekerja.

"Peruntukan ini untuk membantu pesara tentera menjalani kehidupan selepas bersara seperti pengurusan masa, pengurusan kesihatan dan latihan keusahawanan.

"Peluang latihan ini akan menggilap semula potensi pesara supaya mereka dapat menceburi bidang baru dalam pasaran pekerjaan," katanya.



Selangor sebagai gerbang ASEAN

RM25 juta jana pelaburan



STRATEGI PERTAMA : SMART SELANGOR KE ARAH GLOBALISASI

MENJANA PELABURAN DAN PERINDUSTRIAN

SELANGOR INTERNATIONAL BUSINESS SUMMIT(SIBS) 2017



KERAJAAN Negeri memperuntukkan RM25 juta untuk merealisasikan aktiviti dan program dirancang Invest Selangor, termasuk misi pelaburan, pada 2018.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, jumlah keseluruhan potensi pelaburan yang akan dimuktamadkan dalam tempoh ter-

dekat mencecah RM404.5 juta membabitkan industri aeroangkasa, automotif juga elektrik dan elektronik.

Katanya, Kerajaan Negeri turut bercadang membangunkan Cyber Valley sebagai ibu kota perdagangan Selangor.

"Pusat bertaraf antarabangsa dilengkapi pusat pameran

dan persidangan canggih akan mengangkat imej Selangor sebagai gerbang ke ASEAN.

"Usaha ini akan dibuat melalui inisiatif awam dan swasta (*public private initiative*)," katanya.

Pada masa sama, Mohamed Azmin turut memperuntukkan RM9 juta bagi meneruskan kejayaan Selangor International Busi-

ness Summit (SIBS), pada tahun hadapan.

Katanya, konvensyen yang menarik minat lebih 3,000 peserta dan 5,000 pengunjung itu merangkumi tiga acara utama iaitu Selangor Smart City & Future Commerce Convention, Selangor-ASEAN Business Conference dan Selangor Interna-

tional Expo.

"Persidangan mencatat kejayaan mengangkat Selangor sebagai 'launching pad' bagi memajukan keusahawanan ASEAN, manakala Expo Antarabangsa berjaya menarik 16,694 pengunjung dan menjana potensi nilai transaksi RM204.2 juta," katanya.



RM10 juta biaya kajian bioteknologi

PEMBANGUNAN sektor bioteknologi mempunyai peranan strategik menjadikan Selangor sebagai hab kajian penyelidikan dan pembangunan (R&D), dengan penyediaan kemudahan infrastruktur bagi menarik pelaburan.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, bagi tujuan itu, Kerajaan Negeri menyediakan dana awal (seed capital) RM10 juta untuk membiayai R&D bioteknologi sebagai insentif menjalankan

penyelidikan.

"Selangor Bio Bay akan membangunkan 'innovation corridors' seperti dikembangkan, di Genome Valley.

"Untuk mendukung usaha ini, Selangor Bio Bay antara lain akan menyediakan 'Bio Accelerator Centre' sebagai makmal terbuka buat syarikat yang melabuh di Pulau Indah," katanya.

Sementara itu, beliau berkata, Selangor berjaya menarik pelaburan dalam sektor perkilangan bernilai RM7.8 bi-

lion melebihi sasaran RM6.0 bilion, pada 2016.

Katanya, pada 2017, Invest Selangor mensasarkan pelaburan RM6.5 bilion dalam sektor sama.

"Selaras dengan trend global yang beralih kepada 'Fourth Industrial Revolution' (IR4.0), beberapa bidang industri berteknologi tinggi dan berimpak tinggi dikenal pasti berpotensi untuk berkembang seperti e-commerce, bioteknologi, aeroangkasa serta industri halal," katanya.

STRATEGI PERTAMA : SMART SELANGOR KE ARAH GLOBALISASI

MENJANA PELABURAN DAN PERINDUSTRIAN



SELANGOR SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Lembaga Editorial CCSB

PENGARANG KUMPULAN: Mohsin Abdullah

KETUA PENGARANG: Cecelia Alphonsus

PENGARANG: Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG: Mohd Ezli Mashut, Naeem Raffi, Afeeqa Afeera

WARTAWAN:

Hafizan Taib: hapizantaib@mediaselangor.com,

Nazli Ibrahim: nazli@mediaselangor.com,

Afix Redzuan: syafiq@mediaselangor.com,

Lizawati Madfa: lizawati@mediaselangor.com,

Norhayati Umor: hayati@mediaselangor.com,

Ermizi Muhamad: noraizie@mediaselangor.com

Sabirah Aziz: maizaitul@mediaselangor.com

Sheeda Fathil: sheeda@mediaselangor.com

JABATAN PEMASARAN & PENGIKLANAN:

Budi Setyawan: budi@mediaselangor.com | 013 399 2848

Nadhrah Azlan: nadhrah@mediaselangor.com | 03-5523 4856 (ext 117)

JURUGAMBAR: Asri Sapfie, Raheemie Arifin, Shuaib Ayob & Hafiz Othman

GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,

Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor

Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com



Peruntukan naik RM50 juta

Skim Smart-Sewa diteruskan

STRATEGI KEDUA : MENINGKAT KESEJAHTERAAN, MENJAMIN KESELAMATAN

SKIM SMART-SEWA



KERAJAAN Negeri meneruskan Skim Smart-Sewa dengan peruntukan tambahan RM50 juta dalam Belanjawan 2018 ekoran sambutan baik diterima daripada rakyat.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, skim bermula pada 2016 dengan peruntukan RM10 juta itu mendapat maklum balas positif daripada golongan 'millennials'.

"Pada tahun ini, Kerajaan Negeri meningkatkan pembiayaan kepada RM100 juta untuk membeli unit rumah, di lokasi strategik yang disewakan kepada mereka yang layak.

"Sehingga kini, 861 unit rumah mampu milik dimiliki Lembaga

Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) dengan kos pembelian RM123.14 juta, manakala Perumahan dan Hartanah Selangor Sdn Bhd (PHSSB) dilantik sebagai agen pengurusan bagi skim ini," katanya.

Skim Smart-Sewa diwujudkan untuk membantu rakyat berpendapatan sederhana menyewa minimum dua tahun dan maksimum lima tahun.

Dalam tempoh berkenaan, apabila penyewa mempunyai kemampuan membeli rumah, maka 30 peratus daripada jumlah keseluruhan sewaan akan dipulangkan semula bagi digunakan sebagai deposit membeli rumah baru.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata, program Rumah Selangorku diusahakan Kerajaan Negeri bersama pihak swasta juga memenuhi matlamat apabila melepasi sasaran awal 15,000 unit.

Sehingga Oktober lalu, beliau berkata, 1,813 unit siap dibina dan angka itu akan meningkat kepada 3,394 unit, menjelang hujung tahun ini.

"Untuk makluman, 29 projek memperoleh kelulusan Permit Pengiklanan dan Lesen Pembangunan (APDL) serta dijangka akan menyiapkan 20,331 unit Rumah Selangorku secara berperingkat menjelang 2020," katanya.

Tambahan RM12 juta untuk Smart Life

PERUNTUKAN tambahan RM12 juta disediakan Kerajaan Negeri untuk skim Smart Life menerusi Belanjawan 2018 bagi terus membantu rakyat, di perumahan pangsapuri.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, skim dimulakan tahun ini dengan bantuan khas RM30 juta bagi menggantikan lif lama secara percuma tanpa perkongsian dengan penduduk.

"Lembaga Perumahan dan Hartanah Selangor (LPHS) menggantikan 118 unit lif baru bagi 59 blok pangsapuri kos rendah dengan peruntukan RM29.3 juta untuk mensejahterakan 87,000 penduduk di 17,000 unit kediaman," katanya.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri prihatin dengan keadaan lif di pangsapuri kos rendah dan bersimpati terhadap pemilik juga

penghuni yang tidak mampu membiayai penyelenggaraan lif usang serta sering mengalami kerosakan hingga menimbulkan kesusahan.

Katanya, kerja penyelenggaraan lif amat membebaskan Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC) memandangkan kos penyelenggaraan satu unit lif

mencecah RM650 setiap bulan. "Ini bermakna, penduduk terpaksa menanggung sehingga RM7,800 setahun untuk menyelenggara satu unit lif.

"Bayangkan jika setiap blok mempunyai dua atau tiga unit lif, maka kos penyelenggaraan akan mencecah hampir RM25,000 setahun bagi satu blok," katanya.



Pengecualian cukai taksiran, fi lesen kekal

PELAKSANAAN pengecualian cukai taksiran dan fi lesen perniagaan dikekalkan pada 2018, kata Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Beliau berkata, pengecualian itu menyaksikan Kerajaan Negeri akan menanggung perbelanjaan RM70 juta.

"Langkah menyantuni penduduk kampung baru dan kampung bagan serta pemilik rumah kos rendah juga pe-niaga kecil yang dilaksanakan saban tahun sejak 2016 akan diteruskan, pada 2018.

"la memandangkan kadar inflasi yang terus meningkat,

justeru sukacita saya mengumumkan Kerajaan Negeri sekali lagi akan mengecualikan cukai taksiran dan fi lesen perniagaan," katanya.

Terdahulu, Kerajaan Negeri memberikan pengecualian cukai taksiran selama setahun kepada rumah kampung, rumah kos rendah dan fi lesen perniagaan penjaja kecil.

Pengecualian bertujuan mengurangkan beban penduduk sebagai persediaan untuk tahun akan datang yang dijangkakan mengalami kelembapan ekonomi ekoran kenaikan kos sara hidup.



RM33 juta upaya CERIA untuk kemudahan rakyat

KERAJAAN Negeri memperuntukkan RM33 juta untuk skim Baik Pulih Negeri Berkeadilan (CERIA), pada 2018.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, daripada jumlah itu, RM13 juta diperuntukkan untuk kerja sivil sahaja, manakala pembaikan dan penggantian lif akan dipindahkan kepada skim Smart Life.

Katanya, baki RM20 juta pula diperuntukkan bagi mengecat 46 kawasan dengan 138 blok pangsapuri kos rendah.

"Skim bantuan ini adalah insentif Kerajaan Negeri menghargai Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC) dan komuniti yang bekerja kuat membangunkan pangsapuri masing-masing sebagai model pangsapuri terbaik di Selangor," katanya.

Sejak skim CERIA dilaksanakan pada Disember 2010 sehingga Ogos lalu, beliau berkata, 281 kawasan dengan 843 blok pangsapuri meliputi 168,600 unit

petak kediaman membabitkan 843,000 penduduk, di pangsapuri berkenaan menerima manfaatnya dengan kos keseluruhan RM92.2 juta.

Atas keprihatinan terhadap rakyat, Mohamed Azmin berkata, Kerajaan Negeri memaklumkan syarat perkongsian kos oleh penduduk dilupuskan serta merta dengan penduduk pangsapuri kos rendah dan sederhana tidak lagi perlu menyumbang, mulai tahun depan.

"Kerajaan Negeri bersedia menanggung RM8.7 juta untuk melupuskan tunggakan yang sepatutnya dibayar penduduk sejak 2011," katanya.

CERIA adalah skim bantuan baik pulih kerosakan harta bersama pangsapuri kos rendah dan sederhana melalui perkongsian kos antara Kerajaan Negeri dan penduduk dengan penduduk kos rendah perlu menyumbang 20 peratus, manakala penduduk kos sederhana memanggung 40 peratus.

Skim Smart Selangor First Home Buyers

RM15 juta akses miliki Rumah Selangorku

KERAJAAN Negeri menyediakan peruntukan RM15 juta melalui Skim Smart Selangor First Home Buyers untuk kemudahan rakyat memiliki Rumah Selangorku.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, menerusi Belanjawan 2018 disediakan Kerajaan Negeri, tawaran itu akan berkuatkuasa, pada Januari tahun depan.

"Ia adalah bagi kemudahan pembeli Rumah Selangorku dibangunkan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) dan anak syarikat Kerajaan Negeri.

"Peruntukan disediakan bakal dinikmati hampir 1,000

pembeli khususnya dalam kalangan 'millennials,'" katanya.

Skim Smart Selangor First Home Buyers diperkenalkan Kerajaan Negeri, pada 2016 bagi membolehkan rakyat memiliki Rumah Selangorku jenis B dan C.

"Melalui skim ini, Kerajaan Negeri akan mendahulukan pembayaran deposit 10 peratus tertakluk kepada jaminan pembiayaan diperoleh pembeli melalui bank atau institusi kewangan lain.

"Pendahuluan ini adalah dalam bentuk pinjaman tanpa faedah yang perlu dibayar balik dalam tempoh ditetapkan," katanya.

STRATEGI KEDUA : MENINGKAT KESEJAHTERAAN, MENJAMIN KESELAMATAN

SMART SELANGOR FIRST HOME BUYERS

PENDAHULUAN 10% BAYARAN DEPOSIT BERKUATKUASA JANUARI 2018 KHUSUS PEMBELI RUMAH SELANGORKU PKNS & ANAK SYARIKAT KERAJAAN NEGERI



Peluang generasi kedua Felda dapat rumah

KERAJAAN Negeri akan membantu generasi kedua Felda memiliki rumah melalui pembinaan rumah bagi golongan itu, pada tahun depan.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, melalui Belanjawan 2018, Kerajaan Negeri akan menyediakan kemudahan itu bagi merealisasikan.

"Kerajaan Negeri menerusi Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) akan membangunkan 136 unit rumah berkembar setingkat dengan keluasan 850 kaki persgi di atas tapak seluas 17 ekar berhampiran Felda Sungai Tenggi untuk pe-

rumahan generasi kedua Felda.

"Kerja tanah sudah dimulakan dan kerja pembinaan akan bermula, pada akhir bulan ini," katanya.

Beliau berkata, pembangunan itu adalah keprihatinan Kerajaan Negeri dengan masa depan peneroka Felda yang berulang kali dieksploitasi sang penguasa.

Katanya, ketidaktentuan masa depan peneroka Felda memberi kesan kepada masa depan anak dan cucu mereka.

"Maka Kerajaan Negeri tampil membantu generasi kedua Felda memiliki rumah selesa dan 'affordable' berhampiran keluarga mereka," katanya.

Rakyat kekal terima air percuma

KERAJAAN Negeri meneruskan program pemberian air percuma kepada seluruh rakyat Selangor untuk tempoh 2018.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, komitmen itu dilaksanakan selepas mengambil kira keperluan berkeadilan dan tanggungjawab pentadbiran Pakatan terhadap rakyat seluruh negeri.

"Kerajaan Negeri ingin menasihati pengguna supaya membudayakan amalan konservasi air terawat di rumah, pejabat dan industri memandangkan air adalah sumber yang amat bernilai," katanya.

Kerajaan Negeri mula melaksanakan dasar pemberian air percuma sebanyak 20 meter padu bersamaan 20,000 liter atau 5,680 galen, setiap bulan secara percuma untuk rakyat.

Faedah ini untuk semua tanpa mengira taraf ekonomi, kaum, fahaman politik, asalkan tinggal di Selangor, berhak mendapat air percuma terbabit, setiap bulan.

Inisiatif pemberian dasar air percuma mula dilaksanakan sejak 2008 di bawah inisiatif agenda Merakyatkan Ekonomi Selangor (MES).

Pangapuri Servis

DIJANGKA SIAP 2017

<p>Sekuriti 3-peringkat dengan dwi pintu masuk</p>	<p>Bilik tidur 3+1 berkeluasan sehingga 1,900 kps</p>	<p>Harga muka rendah</p>	<p>Unit lengkap berperabot yang pertama di Ara Damansara</p>
<p>Sehingga 3 tempat letak kereta individu</p>	<p>Berdekat LRT & sekolah antarabangsa</p>	<p>Rumah kelab eksklusif</p>	<p>Diskaun Bumiputera 10%</p>

KINI DIBUKA UNTUK JUALAN +603 7846 8886

<p>Dimajukan oleh</p> <p>UTAMA LODGE SDN BHD (486092-V) No. 2, Jalan PJU 1A/4, Ara Damansara PJU 1A, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.</p>	<p>Untuk maklumat lanjut, sila hubungi</p> <p>Galeri Jualan The Potpourri Tel +603 7846 8886 Fax +603 7847 3366 www.thepotpourri.com.my</p> <p>Ibu Pejabat Tel +603 7726 8118 Fax +603 7728 3636</p>	<p>Satu pembangunan perintis oleh</p> <p>SEE HOY CHAN SDN, BERHAD (2244-V) www.shcsb.com</p>	<p>Ibu Pejabat</p> <p>SEE HOY CHAN SDN, BERHAD (2244-V) 1201D, Tingkat 12, Menara D, Uptown 5, Jalan SS21/39, Damansara Uptown, 47400 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.</p>
--	--	---	---

The Potpourri Lesen Pemaju: 9180-4/02-2018/09047(L) | Tempoh Sah: 27/02/2017-26/02/2018 | No. Permit Jualan dan Pengiklanan: 9180-4/02-2018/09047(P) | Pihak Berkuasa yang Meluluskan Pelan Bangunan: Majlis Bandaraya Petaling Jaya | No. Rujukan Pelan Bangunan: MBPJ/120100/TP/1013962013 | Bebanan Tanah: CIMB Bank Berhad | Pegangan Tanah: Pegangan Pakatan 99 Tahun (25 May 2114) | Jumlah Unit: 743 | Diskaun Bumiputera: 10% | Harga Jualan Minimum: RM557,800.00 | Harga Jualan Maksimum: RM2,498,000.00 | Jenis Hartanah: Pangapuri Servis | No. Tempoh Letak Kereta: 3 ruang untuk jenis unit bina luas 1,001 kps ke atas, 2 ruang untuk jenis unit bina luas 1,000 kps ke bawah | Tarikh Dijangka Siap: 18 Feb 2018 | Sekatan Kepentingan: Tanah yang diberi milik ini tidak boleh dipindah milik, dipajak atau digada melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri. Semua ilustrasi dan gambar yang terdapat di sini adalah semata-mata lakaran pelukis. Segala maklumat yang terkandung di sini tertakluk kepada perubahan seperti yang dikehendaki oleh pihak berkuasa/arkitek yang berkenaan dan tidak boleh dianggap sebagai tawaran atau sebahagian daripada isi kandungan kontrak.



Pembangunan usahawan

RM8.35 juta bantu peniaga IKS

KERAJAAN Negeri memperuntukkan RM8.35 juta, pada 2018 yang menyaksikan kenaikan RM3.85 juta, berbanding 2017 bagi tujuan pembangunan usahawan.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, peruntukan berkenaan meliputi program pembangunan usahawan iaitu Dana Usahawan Mikro Selangor untuk membantu pengusaha Industri Kecil Sederhana (IKS).

Beliau berkata, ia bagi menghargai komitmen golongan itu sebagai nadi penggerak ekonomi negeri untuk mengembangkan perniagaan usahawan

mikro.

"Melalui peruntukan di atas, Kerajaan Negeri akan menyalurkan RM2.25 juta kepada sembilan daerah untuk Dana Usahawan Mikro.

"Pada tahun ini, 128 usahawan mikro berjaya menerima dana untuk pembelian peralatan, menaik taraf premis sedia ada atau lain-lain keperluan bagi memberi nilai tambah serta melonjakkan pembangunan usahawan mikro," katanya.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata, program pembangunan usahawan juga akan menyediakan peruntukan RM1.8 juta untuk tujuan promosi.

STRATEGI KEDUA : MENINGKAT KESEJAHTERAAN, MENJAMIN KESELAMATAN



Tabung Penyayang santuni keperluan rakyat

TABUNG Penyayang bakal diperkenalkan dengan peruntukan tambahan RM200,000 kepada setiap Ahli Dewan Negeri (ADN), mulai 2018.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, bantuan berkenaan turut disalurkan kepada Penyelaras Dewan Negeri dan Parlimen untuk tujuan program kemasyarakatan.

Beliau berkata, pelaksanaannya juga disalurkan bagi penganjuran

program ziarah medik dan kebajikan seperti sumbangan makanan asas serta keperluan persekolahan.

"Saya juga ingin mencadangkan peruntukan tahunan Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dinaikkan dari RM10,000 setahun kepada RM20,000.

"Ia bagi membantu 371 JKKK Kampung Tradisi dan 78 JKKK Kampung Baru Cina dan Bagan untuk menganjurkan aktiviti kam-

pung serta program mesra rakyat," katanya.

Terdahulu, Kerajaan Negeri mencadangkan RM3.12 bilion bagi Belanjawan Selangor 2018 dengan 53.2 peratus diperuntukkan untuk belanja pembangunan.

Mohamed Azmin berkata, belanja pembangunan merangkumi RM1.66 bilion, sementara baki RM1.46 bilion diperuntukkan bagi belanja pengurusan meliputi 46.8 peratus.

Peruntukan usahawan India naik 3 kali ganda

KERAJAAN Negeri komited membangunkan golongan B4 dalam kalangan masyarakat India, melalui latihan kemahiran keusahawanan.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, ia membabitkan tumpuan meliputi bidang *digital marketing*, *graphic desing*, *e-commerce*, kemahiran menjahit, bakeri, fotografi dan reka bentuk bunga.

"Menjadi tanggungjawab saya mendakap masyarakat India untuk maju bersama, justeru pada 2018, peruntukan Program Usahawan India Selangor dinaikkan tiga kali ganda dari RM1 juta kepada RM3 juta.

"Peserta program keusahawanan India diberi peluang mendapat pembiayaan mikrokredit daripada

Yayasan Hijrah setelah tamat menjalani latihan, di bawah program pembangunan upaya usahawan," katanya.

Pada masa sama, Mohamed Azmin turut berkongsi pengalamannya bertemu peserta program keusahawanan membabitkan golongan India yang berjaya mengecapi kejayaan dalam program itu.

"Saya sendiri bertemu dengan peserta program keusahawanan ini dan terpegun dengan kejayaan dicapai.

"Keberkesanan program pembangunan keusahawanan India mampu meningkatkan jaringan kemahiran keusahawanan yang menyumbang kepada peningkatan sosio-ekonomi mereka," katanya.

STRATEGI KEDUA : MENINGKAT KESEJAHTERAAN, MENJAMIN KESELAMATAN

PELAN TINDAKAN KHAS (PTK)

MENSTRUKTURKAN SEMULA
26 BUAH KAMPUNG
DALAM BANDAR

RM
5 JUTA
BAGI 2018

- KAMPUNG BARU
- KAMPUNG BAGAN
- KAMPUNG TERSUSUN

SEHINGGA SEPT 2017

72 PROJEK & PROGRAM
YANG TELAH DILAKSANAKAN

PERBELANJAAN BERNILAI RM 4.4 JUTA

RM5 juta untuk Kampung Baru, Bagan & Tersusun

KERAJAAN Negeri memperuntukkan RM5 juta untuk pembangunan Kampung Baru, Kampung Bagan dan Kampung Tersusun bagi 2018.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, sehingga September lalu, sebanyak 72 projek dan program dengan perbelanjaan RM4.4 juta sudah di-

laksanakan.

"Kerajaan Negeri memandang serius jurang yang semakin melebar antara pembangunan, di bandar dengan kampung di bandar dan dihimpit pembangunan di sekitarnya," katanya.

Katanya, Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan Pelan Tindakan Khas (PTK) untuk menstruktur

semula 26 kampung dalam bandar.

Peruntukan itu konsisten seperti tahun lalu, berbanding Barisan Nasional (BN) yang hanya memperuntukkan RM200,000 untuk tujuan pembangunan ketika mentadbir negeri, sebelum 2008.

Ia bertujuan menaik taraf infrastruktur dan fasiliti, di kawasan berkenaan.

Bas Smart Selangor

RM30 juta terus perkhidmatan

EKORAN sambutan menggalakkan, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM30 juta bagi meneruskan inisiatif perkhidmatan Bas Smart Selangor, pada 2018.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, perkhidmatan Bas Smart Selangor turut ditingkatkan jumlah laluan, khususnya di kawasan perumahan kos rendah dan sederhana serta kawasan awam seperti sekolah, pasar, hospital, pusat pengajian tinggi juga industri.

"Sehingga 30 September lalu, Kerajaan Negeri membiayai kos pelaksanaan RM43 juta untuk menyediakan 100 unit Bas Smart Selangor yang sedang beroperasi, di 30 laluan meliputi semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan memberi manfaat kepada 22.1 juta *ridership* dalam tempoh tiga tahun," katanya.

Katanya, sebelum ini Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) memperuntukkan RM18.6 juta untuk menyediakan 22 bas termasuk Bas Elektrik membabitkan empat laluan.

Katanya, usaha Kerajaan Negeri ini

mendapat pengiktirafan The Malaysia Book Of Records sebagai 'Most Number of Free Shuttle Bus Services Provided By State Government', pada 24 September lalu.

"Kerajaan Negeri juga menggesa PBT menyediakan laluan berbasikal sejauh 15 kilometer (km) untuk majlis bandaraya dan perbandaran serta 10 km untuk majlis daerah selain memperluaskan perkhidmatan basikal boleh sewa," katanya.

Terdahulu, aplikasi Bas Smart Selangor Transport Information System diperkenalkan untuk membolehkan pengguna menyemak secara 'real time' waktu ketibaan Bas Smart Selangor.

Pengguna juga boleh mendapatkan 'passenger info display system', di setiap perhentian bas dengan mengimbas 'QR Code' menggunakan telefon pintar.



RM3.25 juta imarah muassasah haji

PROGRAM Imarah Muassasah Haji terus disemarakkan menerusi peruntukan RM3.25 juta untuk 6,500 jemaah Selangor, pada 2018.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, program itu kesinambungan terhadap insentif RM500 yang disalurkan kepada jemaah haji muassasah yang menunaikan rukun Islam kelima itu, tahun ini.

"Tatkala saya bersarapan pagi di Warong Pak Mat, Sungai Jelok, Kajang pada 27 Oktober lalu, saya didampingi pengusaha warung, Haji Mohamad Baba yang tersenyum riang dan melahirkan

rasa syukur kerana beliau dan isteri, Hajjah Zaiton Ahad atau Mak Ton menerima hibah Kerajaan Negeri dalam bentuk pembiayaan Imarah Muassasah Haji tahun ini," katanya.

Terdahulu, Kerajaan Negeri menerusi Pembedaan Menteri Besar (MBI) melancarkan insentif RM500 kepada jemaah haji muassasah Selangor yang menunaikan haji ke Makkah.

Insentif di bawah Program Jemaah Haji Muassasah Selangor itu dilaksanakan sebagai tanda kepedulian pentadbiran negeri dan MBI kepada bakal jemaah haji.

STRATEGI KELIMA | MEMBANGUN NEGERI PENYAYANG

IMARAH MUASSASAH HAJI

PERUNTUKAN RM **3.25** JUTA

6,500 JEMAAH HAJI MUASSASAH

KERETA mana satu yang mungkin menjadi milik anda?

Cuba Sekarang:

- 1 Ambil dua angka terakhir tahun kelahiran anda.
- 2 Tambahkan kepada umur anda pada tahun 2017.
- 3 Berapa jumlah yang anda dapat?

Bandingkan nombor yang anda perolehi dengan nombor plat kereta. Apakah kereta yang anda temui?

Jika jumlah yang anda temui sepadan dengan satu daripada nombor plat kereta di atas, **TAHNIAH!**

Telefon **03-2716 6363** atau hantarkan kupon sekarang dan ketahui cara untuk berpeluang memenangi hadiah!

Pusat Panggilan: 03-2716 6363
Setiap hari dari jam 9 pagi hingga 6 petang.

KUPON PENYERTAAN
ISI BORANG DAN HANTARKAN KEPADA:
BEST PRODUCTS, P. O. BOX 12366, 50776 KUALA LUMPUR

No. kod: 3.516.101117.29.7.1

Nama Penuh:

Jantina: Lelaki Perempuan

Tarikh Lahir: _____
Hari Bulan Tahun

Alamat:

Poskod: _____ Bandar:

Nombor Telefon:

Rumah: _____

Bimbit: _____

Emel:

Tandatangan:

Sila tandakan () pada ruang yang disediakan (boleh lebih daripada satu):

- Ya, dengan tarikh lahir saya, saya telah menemui nombor _____
- Ya, nombor ini bersamaan dengan nombor plat kereta **Proton Persona** , **Honda CR-V** , atau **Perodua Axia** dan saya ingin berpeluang memenangi RM150,000!
- Ya, saya ingin menerima katalog Best Products untuk berpeluang memenangi hadiah ini.



TERIMA!
Katalog Terbaru
"Best Products"



*Terma dan Syarat Kempen Pemasaran ("Kempen")
1) Kempen ini dianjurkan oleh Home Direct Shopping Sdn Bhd (1110325-V) ("Syarikat"), Pusat Perkhidmatan Pelanggan beralamat di 32A-2, Jalan PJS 8/2 Bandar Sunway, 46150 Petaling Jaya, Selangor dengan No. Lesen Jualan Langsung (Jualan Pesanan Pos) AJL 932090. 2) Kempen ini akan berlangsung dari 1 November 2017 hingga 31 Disember 2017 ("Tempoh Kempen"). Selepas tamat Tempoh Kempen, jika pesanan anda tidak dilayan untuk kempen ini, pesanan anda secara automatik akan dimasukkan ke dalam kempen baru kami yang akan datang (jika ada). 3) Kempen ini terbuka kepada warganegara Malaysia berumur 18 tahun dan ke atas ("Pelanggan Berpeluang"). 4) Pelanggan Berpeluang (seperti yang ditakrifkan di dalam Terma dan Syarat Penuh) mempunyai peluang untuk memenangi hadiah-hadiah berikut: Satu Hadiah Utama berupa kereta Honda CR-V 2.0L 2WD i-VTEC seperti iklan di atas ATAU wang tunai sebanyak RM150,000.00; Satu Hadiah Tambahan Pertama wang tunai sebanyak RM30,000.00; atau Satu Hadiah Tambahan Kedua wang tunai sebanyak RM3,999.00. 5) Kempen ini akan terbahagi kepada empat (4) peringkat: a) Peringkat 1: Syarikat akan memberi peluang kepada Pelanggan Berpeluang untuk mengambil bahagian di dalam Kempen ini dengan melakukan langkah-langkah seperti yang dinyatakan di dalam iklan di atas. b) Peringkat 2: Pelanggan Berpeluang hendaklah mendaftar dengan Syarikat sama ada dengan menelefon nombor telefon Syarikat ataupun menghantarkan kupon yang telah dielakkan ke alamat Syarikat. c) Peringkat 3: Setelah mendaftar, Pelanggan Berpeluang akan menerima melalui pos pakej mel Syarikat yang akan mengandungi katalog-katalog Syarikat, bahan-bahan promosi serta Terma dan Syarat Penuh; dan d) Peringkat 4: Pelanggan Berpeluang hendaklah membuat pesanan berdasarkan katalog Syarikat dan membuat bayaran penuh bagi produk yang dipesan. Kriteria pemilihan pemenang adalah seperti yang ditakrifkan dalam Terma dan Syarat Penuh. 6) Dengan melengkapkan kupon dan mengespanya kepada Syarikat, Pelanggan Berpeluang bersetuju dengan terma-terma dalam Notis Privasi Syarikat bahawa data peribadi beliau yang dikumpul melalui proses ini boleh diproses, disimpan, dikumpul, digunakan oleh Syarikat, atau dizahirkan kepada pihak ketiga yang berkaitan termasuk tetapi tidak terhad kepada pihak yang bersekutu dengan Syarikat yang mungkin berada di luar Malaysia, bagi tujuan pengiklanan, kempen promosi, pemasaran termasuk menerima katalog atau dokumen informatif Syarikat atau pihak ketiga. 7) Untuk maklumat lanjut, anda boleh merujuk kepada Terma dan Syarat Penuh, Polisi Pemulangan Syarikat dan Notis Privasi Syarikat yang akan dihantar selepas pendaftaran atau melalui laman web kami di www.bestproducts.my.



Sektor perkhidmatan dan pembuatan rancak

Ekonomi dijangka catat hingga 6%

PERTUMBUHAN ekonomi Selangor, pada 2018 dijangka lebih tinggi, pada kadar 5.5 hingga 6 peratus berbanding tahun sebelumnya, pada kadar 5 hingga 5.5 peratus.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, faktor utama pertumbuhan itu dipacu kerancangan sektor perkhidmatan dan pembuatan.

Katanya, nilai ditambah sektor perkhidmatan menyumbang

59.7% kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri, sementara sektor pembuatan dianggarkan menyumbang 28.8%, pada tahun semasa.

"Kerajaan Negeri juga sentiasa berusaha meningkatkan jumlah pelaburan asing dan domestik.

"Sehingga Disember 2016, Selangor mencatatkan pelaburan RM7.88 bilion dengan 242 projek," katanya.

Mohamed Azmin berkata,

Selangor juga kekal sebagai penyumbang nombor satu kepada KDNK Malaysia sebanyak RM251.6 bilion atau 22.7%, pada 2016, berbanding 22.6% (RM240 bilion), pada 2015.

"Selangor juga kekal menjadi destinasi utama pelabur kerana keyakinan mereka terhadap il-tizam Kerajaan Negeri dalam mempertahankan prinsip 'good governance', ketelusan dan kebertanggungjawaban," katanya.

SITEC terima RM6 juta

SELANGOR Information Technology and E-Commerce Council (SITEC) menerima peruntukan RM6 juta bagi memberi tumpuan kepada perkembangan teknologi maklumat dan pembangunan e-dagang, pada 2018.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, program yang menggunakan 'model Epicentre Google for Entrepreneurs', di Stockholm dan program 'accelerator' untuk membangunkan komuniti 'start-up' akan dilaksanakan.

Katanya, ia bertujuan memperkasa komuniti perniagaan kecil dan sederhana (SME), di Selangor.

"Selaras dengan trend global yang beralih kepada Fourth Industrial Revolution (IR4.0), beberapa bidang industri berteknologi tinggi dan berimpak tinggi dikenal pasti berpotensi untuk berkembang seperti e-commerce, bioteknologi, aeroangkasa dan industri halal," katanya.

Mohamed Azmin berkata, Kerajaan Negeri turut memper-

untukkan RM2 juta untuk pembangunan 'blueprint' aeroangkasa dalam usaha mengangkat Selangor sebagai pemain utama sektor itu.

Katanya, Selangor berjaya menarik perhatian General Electric International melalui GE Engine Services Malaysia yang terbabit dalam bidang Maintenance, Repair and Overhaul (MRO).

"Ia bertujuan memperluaskan pelaburan baru bernilai RM200 juta dalam meningkatkan keupayaan kemudahan menyelenggara 'leap engine', di Subang.

"Baker Hughes (BHGE), syarikat dimiliki General Electric International bakal membina kemudahan MRO bagi penyelenggaraan 'oil and gas turbine' bernilai RM200 juta, di Klang.

"Pusat ini menyediakan perkhidmatan kepada pasaran Asia Pasifik," katanya.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri menyediakan dana awal RM10 juta bagi membiayai penyelidikan dan pembangunan (R&D) bioteknologi sebagai insentif menjalankan penyelidikan, di Selangor.

STRATEGI PERTAMA : SMART SELANGOR KE ARAH GLOBALISASI

SMART CITY

SMART SELANGOR COMMAND CENTRE (SSCC)

RM 10.6 JUTA

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR DIGITAL
PUBLIC CITIZEN PARTNERSHIP (PCP)

RM 11 JUTA

PELAKSANAAN PROJEK PERHENTIAN BAS PINTAR
PEMBANGUNAN EPICENTRE & ACCELERATOR
PEMBANGUNAN SIBUS INTERNET OF THINGS (IoT)

RM10.6 juta bangun infrastruktur digital

PEMBANGUNAN infrastruktur digital termasuk penambahbaikan landasan Public Citizen Partnership (PCP) menerima peruntukan RM10.6 juta, bagi 2018.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, RM11 juta pula disediakan bagi pelaksanaan projek perhentian bas pintar, pembangunan 'epicentre' dan 'accelerator' serta pembangunan silibus 'internet of things' (IoT) bersama industri.

Katanya, Smart Selangor Delivery Unit (SSDU) juga dicadangkan membangunkan 'State Wide Area Network' merangkumi 'Data Centre' untuk 'disaster recovery' bagi memastikan 'e-government' lebih efisien dan telus.

"Smart city yang dipacu teknologi Big Data adalah dalam capaian kita.

"Dengan meningkatnya mobiliti dan 'connectivity', Selangor akan menerajui transformasi digital untuk membina negeri pintar, pantas dan 'more connected'," katanya.

Mohamed Azmin berkata, SSDU sudah melaksanakan 14 projek perintis dalam tempoh satu setengah tahun.

Katanya, ia meliputi Smart Waste Management, pembersihan Sungai Klang dan kerjasama

dengan Google Waze untuk laporan jalan berlubang serta pertambahan bilangan hotspot WiFi percuma Smart Selangor kepada 2,500 AP dan dijangka bertambah kepada 3,800 AP, khususnya di kawasan luar bandar.

"Smart Selangor Command Centre (SSCC) juga sudah beroperasi memusatkan kesemua data negeri untuk dianalisa bagi memudahkan operasi pemantauan menerusi satelit dan pengurusan insiden hutan terbakar, pencemaran air serta lokasi sampah haram.

"SSDU menggunakan 10 unit pemantauan kualiti udara dan kini di peringkat akhir membina aplikasi memaparkan waktu ketibaan Bas Smart Selangor tanpa perlu menunggu lama, di perhentian bas.

"SSDU juga sedang mewujudkan sistem aplikasi 'smart parking' bersepadu melalui pembangunan sistem 'e-wallet' bagi memudahkan pengguna tanpa perlu menggunakan kupon mahupun wang tunai," katanya.

SSDU ditubuhkan untuk merangka dan melaksanakan inisiatif yang menyumbang kepada pembangunan 'regional smart state'.



STRATEGI PERTAMA : SMART SELANGOR KE ARAH GLOBALISASI

MENJANA PELABURAN DAN PERINDUSTRIAN

RM 6 JUTA

MEMBANGUNKAN START-UP COMMUNITIES

SITEC
SELANGOR INFORMATION TECHNOLOGY & E-COMMERCE COUNCIL

RM 2 JUTA

PEMBANGUNAN BLUEPRINT AEROANGKASA



Banjir Pulau Pinang

Selangor sumbang RM1 juta

OLEH NURUL FARINA NAZLAN

PULAU PINANG - Kerajaan Selangor mengumumkan memberikan bantuan RM1 juta kepada Pulau Pinang sebagai bantuan banjir.

Dato' Menteri Besar Selangor, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, pihak berkuasa tempatan di Selangor diarah menggerakkan petugas bagi membantu kerja pembersihan selepas banjir. "Ini adalah usaha kecil Selangor membantu Pulau Pinang pada waktu yang sukar begini, tetapi saya gembira melihat negeri ini, terutamanya di bahagian pulau, yang mula pulih," katanya kepada wartawan di George Town.

Mohamed Azmin sebelum itu menziarahi Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng di pejabatnya di Komtar.

Beliau sebelum itu diberi tak-



Mohamed Azmin bersama Guan Eng dan barisan kepimpinan Kerajaan Pulau Pinang di Bilik Kawalan CCTV MBPP dalam satu sidang media

limat berkenaan perkembangan banjir di Pulau Pinang di bilik kawalan Majlis Bandaraya Pulau Pinang.

Beliau berkata, Kerajaan Sela-

ngor akan memberikan sokongan penuh menyediakan bantuan kepada mangsa banjir.

"Sementara itu, saya sudah meminta pasukan sukarelawan

untuk segera bergerak ke Pulau Pinang dalam beberapa fasa mulai petang ini (5 November)," katanya.

Mohamed Azmin turut memu-

ji Ketua Menteri yang memberikan komitmen selama 48 jam dalam menangani isu banjir yang berlaku di Pulau Pinang.

Dalam pada itu, Guan Eng ketika berucap menyatakan rasa terharu kepada sokongan ditunjukkan Mohamed Azmin bersama-sama rombongannya.

"Saya berasa terharu atas sokongan, simpati dan solidariti yang ditunjukkan oleh Azmin ke atas bencana yang berlaku di Pulau Pinang, dan apa yang berlaku dan diderita oleh rakyat, di sini.

"Saya ucapkan terima kasih mewakili Kerajaan Negeri atas sokongan beliau (Azmin), sehingga beliau sendiri hadir ke Pulau Pinang, batalkan program lain untuk menunjukkan komitmen beliau," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Kepedulian Selangor rentas sempadan

PULAU PINANG - Penduduk Permatang Rawa melahirkan rasa syukur atas bantuan disalurkan Kerajaan Selangor yang diketuai Pertubuhan Bantuan Misi Kemanusiaan Selangor (PANTAS).

Kerja pembersihan di kediaman mangsa banjir serta surau juga kelas agama bermula, sejak jam 9.30 pagi, pada 6 November lalu.

Ia dijayakan 70 anggota PANTAS, Angkatan Muda KEADILAN (AMK) dan Armada Selangor yang tiba di negeri itu, pada 5 November lalu.

Penduduk, Zaharah Awang, 62, berkata rumahnya dinaiki air sejak petang 4 November selepas hujan lebat berterusan hingga memaksa beliau berpindah ke rumah anak, di Jalan Baru, di sini.

"Air naik paras pinggang di bahagian dapur. Ini yang paling teruk berlaku, sejak 50 tahun hingga menyebabkan saya dan keluarga terpaksa berpindah sementara.

"Hari ini, saya sangat bersyukur kerana Kerajaan Selangor sudi menggerakkan sukarelawan untuk membersihkan rumah mangsa banjir, di sini.

"Memang saya tak jangka, ada yang sudi bantu sepantas ini. Ia sedikit sebanyak melegakan saya dan keluarga kerana banyak peralatan rumah musnah," katanya.

Seorang lagi penduduk, Azizah Hashim, 61, menyifatkan bantuan yang disalurkan membantu diri-

nya yang turut terkesan ekoran banjir besar itu.

"Memang banyak yang rosak. Peti sejuk juga terkena litar pintas.

"Nasib ada yang datang membantu di kawasan kami. Ramai orang muda, jadi makin cepat urusan pembersihan dilakukan," katanya.

Sementara itu, Ketua Armada Selangor, Adhif Syan Abdullah berkata, beliau terus menggerakkan 15 anggota selepas mendapat panggilan daripada AMK untuk misi terbabit.

"Saya fikirkan mangsa yang terkesan dan mengharapkan bantuan. Apa yang diusahakan Kerajaan Selangor sudah terbaik kerana pantas menyalurkan bantuan.

"Kami sebenarnya ada skuad brigid aman yang sedang menyiapkan beberapa keperluan di peringkat pusat. Jadi, kami akan beri maklumat kepada mereka berkenaan keadaan semasa, di sini," katanya.




STRATEGI 1 SMART SELANGOR KE ARAH GLOBALISASI


MENJANA PELABURAN DAN PERINDUSTRIAN









STRATEGI 2 MENINGKAT KESEJAHTERAAN, MENJAMIN KESELAMATAN



STRATEGI 5 MEMBANGUN NEGERI PENYAYANG



STRATEGI 4 MERAYAKAN BUDAYA, WARISAN, INTELAK & MENYEGARKAN JASMANI & LINGKUNGAN





Smart Agro

RM26 juta tingkat hasil tani

SEJUMLAH RM26 juta diperuntukkan bagi melaksanakan Smart Agro atau Smart Farming dengan kaedah 'sensing technology' yang menjadikan proses pertanian lebih pintar dan saling berhubung.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, konsep 'individualized smart agro' akan dikaji untuk menghasilkan tanaman berkhasiat, meningkatkan keluaran makanan dari bandar dan menyumbang kepada ekonomi sosial juga persekitaran hijau.

"Antara aspek lain adalah konsep 'Smart Community Garden', khususnya di kawasan bandar yang menggunakan pengairan, pemantauan tanah dan pengawalan serangga secara automatik serta pembajaan pintar seperti di Eropah juga dikenali sebagai *Swiss Smart Garden Ecosystem*."

"Kerajaan Negeri mensasarkan pengeluaran agro makanan RM500 juta setahun, sekali gus meningkatkan sumbangan sektor pertanian kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negeri melebihi 1.6 peratus," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata, RM12.94 juta daripada peruntukan itu akan digunakan untuk

meningkatkan pengeluaran padi, kelapa, buahan-buahan, sayuran, herba, florikultur, akuakultur dan ternakan.

Menurut Food & Agriculture Organisation (FAO), penduduk dunia akan meledak kepada 9.6 bilion, menjelang 2050.

Justeru, dunia akan berdepan cabaran besar mengeluarkan makanan yang perlu meningkat 70 peratus.

Dengan kawasan pertanian yang semakin terbatas, peningkatan keperluan kepada sumber air dan dampak daripada perubahan iklim akan menggugat pengeluaran pertanian.

STRATEGI PERTAMA : SMART SELANGOR KE ARAH GLOBALISASI

SMART AGRO

SMART COMMUNITY GARDEN

PENGAIRAN, PEMANTAUAN TANAH & PENGAWALAN SERANGGA SECARA AUTOMATED

PENGELUARAN AGRO MAKANAN

RM
500
JUTA

SETAHUN

STRATEGI PERTAMA : SMART SELANGOR KE ARAH GLOBALISASI

SMART AGRO

MENGURANGKAN KEBERGANTUNGAN KEPADA IMPORT MAKANAN

RM 12.94 JUTA

MENINGKATKAN PENGELUARAN TANAMAN PADI, KELAPA, BUAH-BUAHAN, SAYURAN, HERBA, FLORIKULTUR, AKUAKULTUR & TERNAKAN

RM
26
JUTA

RM 7.1 JUTA

PEMBERDAYAAN NELAYAN, PETANI, PENTERNAK & PESAWAH MELALUI PROGRAM LATIHAN & BANTUAN PERALATAN

RM 2 JUTA

AGROGEMS + TEKNOLOGI FERTIGASI

Antara aspek lain adalah konsep 'Smart Community Garden', khususnya di kawasan bandar yang menggunakan pengairan, pemantauan tanah dan pengawalan serangga secara automatik serta pembajaan pintar seperti di Eropah juga dikenali sebagai *Swiss Smart Garden Ecosystem*

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar



RM2 juta upaya teknologi fertigasi

KERAJAAN Negeri komited meningkatkan keupayaan usahawan dan menggalakkan pembabitan golongan 'millennials' dalam teknologi fertigasi.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, untuk tujuan itu, Kerajaan Negeri akan meningkatkan peruntukan dari RM960,000 setahun kepada RM2 juta pada 2018, termasuk program Agro-Gems.

"Pelbagai tanaman boleh menggunakan teknologi fertigasi seperti cili, rock melon, timun, peria dan labu air serta sesuai digunakan di kawasan tanah kurang subur seperti tanah gambut selain dapat memanfaatkan kawasan tanah terbiar," katanya.

Untuk rekod, walaupun berlaku fenomena El Nino, pengeluaran hasil tanaman sayuran secara konvensional dan fertigasi, di Sabak Bernam

masih mampu mencatatkan pengeluaran 1.03 juta metrik tan dengan nilai RM 3.24 juta, pada 2015-2016.

Sementara itu, Kerajaan Negeri akan meneruskan pemberdayaan nelayan, petani, penternak dan pesawah melalui program latihan serta bantuan peralatan dengan peruntukan RM7.1 juta, pada 2018.

"Sebagai kerajaan yang peduli masyarakat desa, Kerajaan Negeri segera tampil menyalurkan bantuan kewangan kepada pesawah yang terkesan ekoran serangan penyakit *Bacterial Leaf Blight (BLB)* atau Bakteria Hawar Daun.

"Kerajaan Negeri menyalurkan RM8.54 juta kepada 8,953 pengusaha sawah termasuk Pak Lang Razak dari Sungai Leman yang tersenyum lebar menerima cek Kerajaan Negeri daripada saya," katanya.

Skim Insurans Pesawah diperkenal

KERAJAAN Negeri bakal memperkenalkan Skim Insurans Pesawah secara percuma membabitkan 10,000 pesawah di Selangor, pada 2018.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, pelaksanaan skim dengan peruntukan RM3 juta itu ekoran pesawah kini dihimpit tekanan import padi dari negara asing.

Katanya, hasil padi juga kian

tidak menentu ekoran gangguan cuaca atau penyakit.

"Namun, pesawah padi tetap membanting tulang, membasahi tubuh dengan keringat menyumbang kepada jaminan keselamatan makanan negara.

"Itulah perjuangan hidup seorang pesawah," katanya.


Mohamed Azmin berkata, melalui skim berkenaan, pesawah akan menerima beberapa man-

faat yang dilihat bakal memberi manfaat jangka panjang kepada penggiat industri itu.

"Melalui skim ini, wira sawah akan menerima manfaat perubatan, perlindungan akibat hilang upaya kekal atau menyeluruh juga infaq kematian," katanya.

Untuk rekod, inisiatif berkenaan diperkenalkan kali pertama tahun ini di peringkat negeri dan Persekutuan.





Tingkat capaian menerusi IoT

PIHAK Berkuasa Tempatan (PBT) disaran menggunakan 'internet of things' (IoT) serta teknologi informasi dan komunikasi (M-ICT) merangkumi pelbagai dimensi untuk meningkatkan kecekapan sistem penyampaian juga kualiti hidup rakyat.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, trend menjelang 2020 menunjukkan lebih 50 peratus rakyat akan bergerak ke bandar dan mahu berhubung serta memerlukan 'real time information'.

Katanya, PBT perlu mengambil pendekatan 'people centric' dalam perancangan pembangunan setempat dengan melaksanakan 'participatory budgeting process' yang memberi ruang kepada penglibatan langsung masyarakat merencana program dan projek yang perlu dilaksanakan.

"Pembabitian masyarakat dalam proses ini akan memberdaya rakyat untuk terlibat dalam pembangunan, di peringkat Kerajaan Tempatan.

"Kerajaan Negeri mencadangkan sekurang-kurangnya 10 peratus daripada keseluruhan

Pembabitian masyarakat dalam proses ini akan memberdaya rakyat untuk terlibat dalam pembangunan, di peringkat Kerajaan Tempatan

MOHAMED AZMIN
Dato' Menteri Besar

Belanjawan Pembangunan PBT digunakan untuk tujuan ini," katanya.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata, peranan PBT dalam sebuah negeri maju bertambah penting dan mencabar, justeru ia perlu direformasikan termasuk penyertaan masyarakat setempat.

"Ia boleh dilakukan melalui aktiviti kesukarelawan dan memanfaatkan penyebaran maklumat menerusi media sosial, memandang capaian internet, di Selangor mencapai tahap 79 peratus," katanya.



RM4.5 juta lestari alam sekitar

SEJUMLAH RM2.5 juta diperuntukkan bagi meneruskan usaha ke arah meningkatkan kelestarian alam sekitar menerusi Belanjawan 2018.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, antara aktiviti dijalankan termasuk pengindahan pantai, pemuliharaan hidupan liar dan penanaman pokok.

Katanya, aktiviti itu penting dalam ekosistem semula jadi yang menjamin persekitaran

hijau sihat dan pembangunan mampan.

"Sebanyak 22,400 batang pokok akan ditanam di seluruh Selangor, pada tahun ini bagi memulihara alam sekitar.

"Kerajaan Negeri turut menggalakkan pegawai di Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mendalami pengetahuan berkenaan penyelenggaraan pokok dan memiliki sijil arborist," katanya.

Mohamed Azmin berkata, pe-

Mereformasi perkhidmatan PBT

Fokus baiki kemudahan asas

PIHAK Berkuasa Tempatan (PBT) sekali lagi menerima peruntukan RM20 juta bagi menambah baik kemudahan asas dan awam di Selangor, pada 2018.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, kerja penambahbaikan itu memfokuskan kepada pembangunan taman rekreasi dan 'green lungs' untuk memenuhi aspirasi rakyat.

Katanya, rakyat kini mahukan pembangunan bukan sahaja bersifat fizikal tetapi termasuk taman rekreasi dan taman dalam bandar serta kawasan riadah.

"Semua PBT diminta mengenal pasti kawasan bersesuaian membangunkan 'urban green lungs' bagi meningkatkan 'liveability' dan kawasan riadah untuk masa berkualiti bersama keluarga.

"Usaha ini akan mengukuhkan institusi keluarga dan membina rakyat sihat serta cergas," katanya.

Katanya, PBT juga perlu meneruskan kerja menaik taraf medan selera, tandas dan pasar awam selain memberi perhatian serius kepada usaha penambahbaikan kemudahan asas ter-

Tingkat kemudahan asas

- Menambah bilangan parkir Orang Kelainan Upaya (OKU) dan kemudahan lain seperti 'handrail', 'ramp' serta laluan pejalan kaki khas 'tactile'
- Menambah baik kemudahan 'first mile' and 'last mile' sistem pengangkutan awam termasuk connectivity
- Memasang CCTV di kawasan 'hotspot' sebagai usaha memantau dan menjamin keselamatan rakyat
- Menaik taraf kemudahan medan selera dengan konsep moden yang menjamin kebersihan
- Kemudahan laluan berbumbung untuk pejalan kaki (susur gajah)
- Membaiki peralatan dan kemudahan di padang permainan kanak-kanak

masuk jalan raya, saliran serta jambatan.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata, PBT dicadangkan memperuntukkan sekurang-kurangnya 20 peratus daripada keseluruhan rizab tunai bersih untuk meningkatkan kemudahan asas dan awam lain.

"Kerajaan Negeri juga mencadangkan setiap PBT menggunakan simpanan dalam tabung amanah, di bawah seliaan masing-masing (seperti Tabung Amanah Caj Pemajuan dan Tabung Amanah Infrastructure Service Fund) untuk tujuan kepentingan awam," katanya.

antarabangsa menerusi Queen's Baton Relay (QBR) iaitu acara simbolik persinggahan baton atau obor sempena Sukan Komanwel 2018 Gold Coast, Australia yang berlangsung dengan jayanya, pada 18 Oktober lalu," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata, Kerajaan Negeri turut bersetuju memperuntukkan RM2 juta bagi meneruskan aktiviti di bawah Pelan Tindakan Teknologi Hijau Selangor 2016-2018.

Katanya, sehingga kini terdapat 109 unit pengeras tenaga elektrik di 88 lokasi, di seluruh negeri dengan 33 program berteraskan teknologi hijau dilaksanakan.

"Program yang menelan peruntukan RM1.37 juta itu membabitkan pemasangan bumbung solar di bangunan, pemasangan Sistem Pengumpulan Air Hujan dan penyediaan laluan basikal bagi menjayakan inisiatif rendah karbon," katanya.



KERAJAAN Negeri memperuntukkan RM44.1 juta bagi pelaksanaan Skim Kesihatan Bersepadu untuk memperluaskan skop perkhidmatan kesihatan berdasarkan keperluan mendesak, pada 2018.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, antara dicadangkan ialah Peduli Sihat, rawatan jantung, suntikan vaksin pneumokokal, penjagaan kesihatan mental, perkhidmatan penjagaan paliatif bagi pesakit kanser serta insuran kesihatan untuk penjawat awam juga pesawah.

"Kerajaan Negeri rancak melaksanakan Skim Peduli Sihat sebagai perlindungan rawatan kesihatan asas yang mendapat pengiktirafan Persatuan Perubatan Malaysia.

"Sehingga 31 Oktober lalu, 149,382 kad Peduli Sihat dikeluarkan untuk memberi manfaat kepada hampir 600,000 penerima," katanya.

Mohamed Azmin berkata, skim

Skim Kesihatan Bersepadu

RM44.1 juta perluas skop kesihatan

itu akan diteruskan pada 2018 dengan memperuntukkan RM20 juta yang melayakkan pemegang kad secara automatik mendapat perkhidmatan rawatan kesihatan asas secara percuma.

Katanya, Kerajaan Negeri turut memberi peruntukan 'one-off' berjumlah RM180 kepada semua pemegang Kad Peduli Sihat untuk mendapatkan suntikan vaksin pneumokokal, di semua klinik yang mengambil bahagian.

"Ini bermakna kelayakan bagi pemegang Kad Peduli Sihat dinaikkan dari RM500 kepada RM700, pada 2018," katanya.

RM1 juta tangani kesihatan mental

BELANJAWAN 2018 memperuntukkan RM1 juta bagi menyokong program pertubuhan dan lembaga swadaya masyarakat menyediakan perkhidmatan kaunseling untuk membantu pihak yang menghadapi tekanan emosi serta kemurungan.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, hal itu ekoran masalah kesihatan mental dalam masyarakat semakin membimbangkan dan memberi impak seperti kemurungan, kesedihan, ketagihan alkohol dan penyalahgunaan dadah.

"Mesej Kerajaan Negeri kepada pesakit mental adalah anda tidak berseorangan. Seperti lirik Michael Jackson, 'You are not alone, I'm here with you,'" katanya.

Pada masa sama, katanya, Kerajaan Negeri turut menghargai sumbangan badan bukan kerajaan seperti Malaysian Mental Health Association, Befrienders serta Relate Malaysia yang mengambil inisiatif memupuk kesedaran.

Mohamed Azmin berkata, peranan pertubuhan terbabit berupaya mendidik masyarakat berkenaan masalah kesihatan mental melalui kaunseling selain wacana pendidikan.

"Jika ingin meluahkan perasaan, Kerajaan Negeri sedia mendengar dan memberi sokongan emosi serta mengambil peduli, di saat paling gelap dalam hidup anda," katanya.

Pada 2016, Kajian Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan mendedahkan hampir 30 peratus rakyat Malaysia mengalami masalah kesihatan mental.

Manakala menurut statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), 122 kes jenayah bunuh diri berlaku di Selangor, pada 2016.

STRATEGI KEDUA : MENINGKAT KESEJAHTERAAN, MENJAMIN KESELAMATAN

SKIM KESIHATAN BERSEPADU



SKIM PEDULI SIHAT

149,382
KAD DIKELUARKAN
600,000
MENERIMA MANFAAT

SEHINGGA 31 OKTOBER 2017

2018

SKIM DITERUSKAN
PERKHIDMATAN RAWATAN
KESIHATAN ASAS



Dialisis Sihat Selangor terima RM5 juta

PROGRAM Panel Dialisis Sihat Selangor akan diperluaskan menerusi peruntukan RM5 juta dalam usaha membantu pesakit buah pinggang, di negeri itu.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, jumlah berkenaan meningkat RM2 juta, berbanding peruntukan tahun lalu sebanyak RM3 juta.

"Pada masa sama, Kerajaan Negeri akan meneruskan pelaksanaan dasar program mammogram secara percuma, di seluruh negeri.

"Prgoram MammoSel secara percuma

akan dikekalkan menerusi kenaikan peruntukan dari RM1 juta kepada RM2 juta bagi tahun 2018," katanya.

Terdahulu, skim berkenaan menawarkan pemeriksaan mammogram secara percuma kepada wanita Selangor berumur 35 tahun ke atas bagi memastikan kesihatan golongan itu terjaga dan dalam keadaan optimum.

Sejak diperkenalkan pada 2008, lebih 22,5050 wanita sudah menerima insentif berkenaan membabitkan penyertaan DUN seluruh Selangor.

Rawatan sakit kronik untuk rakyat

KERAJAAN Negeri bersama Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) memperuntukkan RM10 juta untuk membiayai 500 pesakit jantung dalam kalangan rakyat, di negeri itu.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, ia diterjemahkan dalam bentuk kerjasama strategik antara Institut Jantung Negara (IJN) dan Selgate Corporation, pada 31 Oktober lalu untuk membina 'medical city' di Shah Alam yang menawarkan khidmat pakar.

Katanya, langkah itu juga bagi meningkatkan akses rakyat mendapatkan rawatan pakar secara berpatutan.

"Menyedari hakikat *cardiovascular disease* (CVD) merupakan pembunuh nombor satu negara, Kerajaan Negeri memulakan langkah proaktif bekerjasama dengan bagi memberi khidmat rawatan jantung secara

percuma kepada golongan berpendapatan rendah, mulai 2018," katanya.

Pada masa sama, Mohamed Azmin turut mengumumkan bantuan kewangan RM3 juta kepada pusat yang menyediakan perkhidmatan penjagaan paliatif untuk pesakit kanser.

Katanya, perkhidmatan itu akan menumpukan kepada peningkatan kualiti hidup dalam kalangan pesakit.

"Mengikut Laporan Pendaftaran Kanser Kebangsaan 2007-2011, penyakit kanser merupakan pembunuh nombor tiga dalam negara.

"Pesakit kanser bukan sahaja terpaksa menanggung kos rawatan tinggi tetapi juga memerlukan perkhidmatan perunding terlatih untuk memberikan tumpuan dari segi psikologi, rohani dan sosial," katanya.

STRATEGI KEDUA : MENINGKAT KESEJAHTERAAN, MENJAMIN KESELAMATAN

MEMBIAYAI VAKSIN PNEUMOKOKAL

RM 180

ONE-OFF
KEPADA SEMUA
PEMANGKAD
KAD PEDULI SIHAT

RAWATAN JANTUNG UNTUK RAKYAT

RM 10 JUTA

KERJASAMA
INSTITUT JANTUNG NEGARA &
SELGATE CORPORATION
AKSES KHIDMAT RAWATAN
JANTUNG KEPADA
500 PESAKIT

PERKHIDMATAN PENJAGAAN PALIATIF PENYAKIT KANSER

RM 3 JUTA

SEBAGAI PERMULAAN
UNTUK 2018

MENANGANI MASALAH KESIHATAN MENTAL

RM 1 JUTA

PERUNTUKAN UNTUK 2018

KELAYAKAN PEMEGANG KAD PEDULI SIHAT
DINAikkan DARIPADA
RM 500 KEPADA RM 700



STRATEGI KELIMA : MEMBANGUN NEGERI PENYAYANG

KASIH IBU SMART SELANGOR (KISS)

KELUARGA BERPENDAPATAN ISI RUMAH KURANG DARIPADA RM 2,000 SEBULAN



Kasih Ibu Smart Selangor (KISS)

RM72 juta hargai ibu

KERAJAAN NEGERI akan memperkenalkan inisiatif baru, Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) yang akan memberdaya golongan itu, di Selangor sebagai pengurus kewangan keluarga masing-masing.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, bantuan itu dikhususkan kepada mereka berpendapatan isi rumah RM2,000 ke bawah atas penghargaan terhadap pengorbanan serta terperit jerih dilakukan.

Katanya, setiap ibu yang layak akan menerima bantuan RM2,400 setahun atau RM200 setiap bulan yang akan memberi manfaat kepada 30,000 penerima.

"Melalui KISS, ibu di Selangor akan mendapat bekalan makanan asas seperti beras, minyak masak dan tepung serta peralatan dan

pakaian sekolah untuk anak di pasar raya dan kedai runcit yang akan dikenal pasti.

"Usaha ini sebahagian Inisiatif Peduli Rakyat yang akan dibiayai sepenuhnya Kerajaan Negeri dengan implikasi kewangan RM72 juta.

"Sebagai permulaan, Kerajaan Negeri komited memulakan inisiatif ini bagi suku pertama 2018 dengan pembiayaan RM18 juta," katanya.

Mohamed Azmin berkata, usaha itu selaras kebergantungan institusi keluarga terhadap peranan ibu yang bukan sahaja mendidik dan membesarkan anak tetapi memikul tanggungjawab mengurus kewangan keluarga.

Pada masa sama, katanya, ibu paling terkesan dengan

pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) serta kenaikan harga barang keperluan hingga kadangkala wujud gangguan juga tekanan emosi.

"Ramai ibu terpaksa membantu suami mendapat pendapatan tambahan untuk menampung kos sara hidup keluarga. Kerajaan Negeri tidak mahu melihat keadaan ini berterusan.

"Kita tidak berada di sini tanpa seorang ibu. Kasih sayang seorang ibu terhadap anak dan keluarga tiada penghujungnya," katanya.

Berdasarkan Jabatan Perangkaan Malaysia, 1.7 peratus isi rumah menerima pendapatan RM1,999 ke bawah membabitkan 108,800 isi rumah atau kira-kira 30,000 keluarga, di Selangor.

RM3.8 juta laksana program kebajikan

DATO' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali mengumumkan peruntukan RM3.8 juta bagi pelaksanaan program kebajikan negeri, pada tahun hadapan.

Beliau berkata, ia meliputi pelaksanaan Early Intervention Programme (EIP) di bawah peruntukan RM3 juta untuk menyediakan pendidikan dan perkhidmatan tetapi yang diperlukan kanak-kanak.

Katanya, peruntukan itu turut merangkumi keperluan khas seperti fisioterapi, *occupational therapy, speech therapy dan hydrotherapy.*

"Pelaksanaan program ini memberi manfaat kepada beberapa pusat intervensi awal termasuk Eden Firdaus Centre

STRATEGI KELIMA : MEMBANGUN NEGERI PENYAYANG

EARLY INTERVENTION PROGRAM



for Special Education yang diterajui pengarah dan penggiat filem, Ahmad Idham Ahmad Nadzri.

"Kerajaan Negeri juga menyediakan RM800,000 untuk golongan Orang Kelainan Upaya (OKU) dan sukarelawan serta pembangunan juga pemberdayaan warga emas," katanya.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata, Skim Mesra Usia Emas (SMUE) akan diteruskan dengan peruntukan RM28 juta yang dilaksanakan sejak 10 tahun lalu.

Katanya, Tabung Warisan Anak Selangor (TAWAS) juga terus disemarakkan dengan peruntukan RM5 juta.

Sambut baik insentif RM2,400 setahun

GOLONGAN ibu menyambut baik insentif RM200 sebulan yang diberikan Kerajaan Negeri bagi mereka yang berpendapatan RM2,000 ke bawah, bermula tahun 2018.

Bagi kerani akaun, Norfazilah Harun, 28, pemberian bantuan itu amat dinantikan kerana ia mampu meringankan bebannya dan keluarga terutama sebagai ibu yang bekerja serta berpendapatan rendah.

"Ini adalah peluang baik untuk golongan ibu bergaji rendah seperti saya kerana dengan bantuan itu boleh dibuat simpanan atau perbelanjaan anak yang tidak mencukupi," katanya.

Sementara itu, guru tadika,

Jaslina Harun, 36 berkata, bantuan itu dilihat sebagai penghargaan kepada peranan dan jasa ibu selama ini yang banyak membantu keluarga.

"Saya amat gembira dan bersyukur dengan bantuan ini serta bangga menjadi sebahagian daripada warga Selangor yang amat mementingkan golongan ibu," katanya.

Terdahulu, Kerajaan Negeri memperkenalkan inisiatif Kasih Ibu Smart Selangor (KISS) yang akan memberdaya golongan ibu sebagai pengurus kewangan untuk keluarga masing-masing, di Selangor.

Setiap ibu yang layak akan menerima bantuan RM2,400 setahun atau RM200 setiap bulan.

RM7.8 juta iktiraf peranan wanita



PERANAN wanita terus diiktiraf selaras komitmen golongan itu membantu Kerajaan Negeri memajukan Selangor ke peringkat lebih tinggi.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, Kerajaan Negeri akan terus membantu merealisasikan potensi wanita bagi menyumbang kepada pembangunan negeri dan sosioekonomi.

"Bagi 2018, Kerajaan Negeri mencadangkan RM7.8 juta untuk Institut Wanita Berdaya (IWB), Pusat Wanita Berdaya (PWB), program pembangunan institusi keluarga dan Skim Kesihatan Wanita," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata, IWB dan PWB berjaya menggubal Dasar Wanita Selangor yang bersifat inovatif demi

memberdaya penyertaan wanita dalam ekonomi sebagai tenaga kerja mahir, usahawan dan pakar teknologi.

Katanya, usaha itu juga selaras hasrat Kerajaan Negeri melahirkan wanita Selangor yang berdaya untuk membangun masyarakat maju dan progresif.

"Kerajaan Negeri akan meneruskan sokongan kepada IWB dengan peruntukan tambahan RM3 juta atas kejayaan menyuntik dinamisme dalam masyarakat melalui program pemberdayaan ekonomi dan bersifat advokasi," katanya.

Mohamed Azmin berkata, peruntukan untuk setiap PWB turut ditingkatkan dari RM30,000 setahun kepada RM50,000, sekali gus bertambah kepada RM2.8 juta, pada 2018.

STRATEGI KEDUA : MENINGKAT KESEIAHTERAAN, MENIAMIN KESELAMATAN

PEMBERDAYAAN WANITA





Selangor Business School (SBS)

RM10 juta lahir graduan kompeten

KERAJAAN Negeri memperuntukkan RM10 juta kepada Selangor Business School (SBS), pada 2018 untuk melahirkan graduan cemerlang dan kompeten dalam industri serta pentadbiran awam.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, SBS akan menjadi 'game changer' dalam kursus sarjana dan ijazah kedoktoran menerusi bidang perniagaan sejak mula ditubuhkan, pada 2017.

"Cita-cita Kerajaan Negeri adalah membangunkan SBS sebagai Business School terbaik di Malaysia dan pemain utama di rantau ini menjelang 2027," katanya.

Perkembangan rancak Graduate Business School yang menawarkan program seperti Master in Business Administration (MBA) dan Master in Ma-

nagement (MIM) merupakan satu petunjuk kemajuan ekonomi dan mencerminkan kemajuan agenda bangsa untuk memperkukuhkan pendidikan tinggi.

Peruntukan itu adalah tambahan dalam belanjawan tahun lalu yang menawarkan pengajian Master in Business Administration (MBA) dan Master in Management (MIM).

Sementara itu, Mohamed Azmin berkata, program Youth Enhancement Strategic Selangor (YES) pula akan menerima peruntukan RM2.5 juta, pada 2018.

Katanya, Program Pembangunan Bakat yang dimulakan tahun lalu dengan kerjasama Pusat Pembangunan Sumber Manusia Selangor (SHRDC) berjaya membina generasi muda kompeten dalam bidang

STRATEGI KETIGA : MEMPERKASA KUALITI PENDIDIKAN DAN KEMAHIRAN BERINOVASI

SELANGOR BUSINESS SCHOOL

SBS SEBAGAI BUSINESS SCHOOL TERBAIK DI MALAYSIA DAN RANTAU INI MENJELANG 2027

RM
10
JUTA

MELAHIRKAN GRADUAN YANG CEMERLANG DAN KOMPETEN DALAM INDUSTRI DAN PENTADBIRAN AWAM



Peluang huffaz sertai pendidikan arus perdana

UNIVERSITI Selangor (UNISEL) dan Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) dicadang memperluaskan Program Smart Tahfiz dan Program Bimbingan Huffaz (B-Faz).

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, ia bertujuan menyediakan pelajar tahfiz mengikuti kurikulum bagi menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Katanya, usaha itu bagi membolehkan graduan tahfiz menyambung pendidikan dalam arus perdana pendidikan negara.

"Saya menggesa Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menyemak semula dasar pendidikan institusi Islam khususnya maahad tahfiz persendirian yang semakin bercambah tanpa kawalan.

"Saya amat bimbang dengan keadaan semasa di mana hampir

keseluruhan 17,440 anak-anak kita yang sedang mengaji di maahad tahfiz persendirian tidak dilengkapi dengan peluang menduduki SPM.

"Anak muda huffaz juga berhak mendapat pendidikan yang holistik seperti pengajian bahasa, sains, matematik, teknologi dan kemahiran hidup untuk menjamin masa depan," katanya.

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata, nazir masjid bakal menerima insentif RM500, sementara pengerusi surau dan siak masing-masing menerima RM300, pada 2018.

Sebelum ini, Kerajaan Negeri memberikan sumbangan 'Kasih Ramadhan' sempena Program Menyemarak Ramadan kepada nazir masjid dan pengerusi surau seluruh Selangor dengan masing-masing menerima RM500 dan RM300.

teknikal dan vokasional bagi memenuhi keperluan industri.

"Selain itu, program Diplo-

ma Belia Dalam Kerja Pembangunan Eksekutif dengan kerjasama Universiti Putra Ma-

aysia (UPM) akan diteruskan, pada 2018 dengan peruntukan RM300,000," katanya.

RM2 juta baik pulih maahad tahfiz persendirian

SEJUMLAH RM2 juta diperuntukkan Kerajaan Negeri untuk membaik pulih dan menaik taraf maahad tahfiz persendirian di Selangor, pada 2018.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, ia melibatkan 262 maahad tahfiz persendirian berdaftar dengan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS), yang menempatkan 17,440 murid, setakat Oktober lalu.

Katanya, keutamaan akan diberikan kepada maahad tahfiz

yang berisiko tinggi dari segi aspek keselamatan.

"Menyedari kepentingan keselamatan pelajar dan guru, Kerajaan Negeri memperuntukkan RM3.6 juta, pada tahun lalu untuk membaik pulih 44 maahad tahfiz persendirian," katanya.

Mohamed Azmin berkata, 127 maahad tahfiz persendirian yang menempatkan 2,862 pelajar dan masih belum berdaftar dengan JAIS perlu segera berbuat demikian, sebelum 15 Disember ini.

Katanya, kegagalan menepati

dan memenuhi syarat penubuhan serta pendaftaran ditetapkan akan menghadapi risiko notis henti operasi.

"Kerajaan Negeri perlu menjamin nilai moral, kerohanian dan etika disemai dalam proses pendidikan.

"Saya mesti menegaskan bahawa pendidikan perlu melahirkan rakyat berintegriti moral dan intelektual, beradab dan berbudaya, inklusif serta menyumbang kepada pembangunan negeri dan masyarakat," katanya.

Perpustakaan di Selangor ditambah baik

SEJUMLAH RM40 juta diperuntukkan bagi membina kemudahan tempat letak kereta bertingkat, di Perpustakaan Raja Tun Uda, Seksyen 13, yang dijangka siap, pada akhir ta-

hun ini.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, RM8.65 juta pula diperuntukkan untuk menaik taraf tiga perpustakaan daerah dan satu perpustakaan desa (RM8 juta), membina perpustakaan desa baru (RM 450,000) dan melengkapkan koleksi (RM200,000).

Katanya, Kerajaan Negeri juga akan meneruskan Agenda Pencerahan Selangor dengan peruntukan RM3.5 juta untuk menjayakan usaha audiobook dan terjemahan karya antarabangsa.

"Perpustakaan adalah gerbang ilmu dan hikmah

untuk membentuk masyarakat berilmu dan berbudaya.

"Perpustakaan juga menyediakan akses kepada masyarakat untuk mendapat ilmu pengetahuan dan menyuburkan masyarakat yang maju ke arah inovasi kreatif," katanya.

Mohamed Azmin berkata, Kerajaan Negeri turut menambah bilangan perpustakaan dari 88 kepada 102 dan berjaya menarik 11.2 juta pengunjung.

"Pengunjung juga semakin ghairah memburu ilmu sehingga mencecah 8,000 orang, pada hujung minggu dan cuti sekolah di Perpustakaan Raja Tun Uda," katanya.



STRATEGI KETIGA : MEMPERKASA KUALITI PENDIDIKAN DAN KEMAHIRAN BERINOVASI

PENDIDIKAN TINGGI



Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Iktis Smart Selangor (IKTISASS)

RM52 juta garap latihan kemahiran

PERUNTUKAN sektor pendidikan tinggi dalam Belanjawan Selangor 2018 meningkat kepada RM101.73 juta, berbanding RM28.5 juta, pada 2017.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, ia bagi melaksanakan program Inisiatif Kemahiran Teknikal dan Iktis Smart Selangor (IKTISASS) dalam menjayakan Sistem Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

"RM52 juta atau 51.1 peratus daripada peruntukan itu disalurkan untuk program IKTISASS bertujuan memberi peluang kepada 'millennials' menggarap latihan kemahiran bagi menjamin kebolehpasaran dengan pendapatan tinggi selain meningkatkan rantaian nilai modal

insan," katanya.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri juga akan membiayai sepenuhnya 2,000 anak muda Selangor sebagai perintis program IKTISASS, pada tahun hadapan.

Mohamed Azmin berkata, program itu akan dilaksanakan dengan kepakaran Selangor Human Resource Development Centre (SHRDC), Strand Aerospace Malaysia dan SST & Consultancy Academy.

"Jurang antara keluaran institusi pendidikan dengan keperluan sumber manusia negeri dan industri perlu dipandang serius kerana ia menyumbang kepada peningkatan pengangguran dalam kalangan anak muda iaitu tiga kali ganda, berbanding kadar purata pengangguran nasional," katanya.

3 IPT terus diperkukuh

KERAJAAN Negeri berhasrat memberikan geran RM20 juta kepada Universiti Selangor (UNISEL) sebagai usaha berterusan menjadikannya pusat kecemerlangan ilmu, pada 2018.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, peruntukan itu tambahan kepada RM44 juta yang disalurkan, pada 2017.

"Saya yakin UNISEL akan terus memimpin kecemerlangan ilmu.

"Pada masa sama, Kerajaan Negeri juga akan memperuntukkan RM3.32 juta untuk program Dermasiswa UNISEL bagi membina pengajian asasi sebelum menyambung pengajian ke peringkat ijazah sarjana muda,"katanya.

Katanya, RM2 juta lagi diperuntukkan untuk Program Smart Tahfiz UNISEL bertujuan melengkapkan pelajar tahfiz dengan peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM).

Pada masa sama, Mohamed Azmin berkata, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) turut diberikan pinjaman mudah RM48.5 juta

STRATEGI KETIGA : MEMPERKASA KUALITI PENDIDIKAN DAN KEMAHIRAN BERINOVASI



"Peruntukan itu meliputi RM27.2 juta untuk pembinaan bangunan akademik baru KUIS dan menaik taraf perpustakaan Imam al-Syafie.

"Kerajaan Negeri akan terus berusaha menyokong UNISEL dan KUIS untuk memperkasa serta menjamin institusi pendidikan ini berdaya saing," katanya.

Turut menerima manfaat ialah Kolej Antarabangsa Inpens (INPENS) apabila Kerajaan Negeri bersedia membantu pembangunan infrastruktur dan pembangunan modul dengan peruntukan RM4.4 juta.

Peduli Siswa diperluas

KERAJAAN Negeri akan meneruskan program Peduli Siswa selain memperkembangkan Peduli Siswa Timur Tengah dengan peruntukan RM10 juta, pada 2018.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, program yang dimulakan tahun ini dengan peruntukan RM10 juta itu mendapat sambutan menggalakkan dalam kalangan mahasiswa.

"Sehingga Oktober lalu, 738 mahasiswa menerima pembiayaan dalam bentuk pinjaman boleh ubah di empat IPTA iaitu Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM), Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan Universiti Teknologi MARA (UiTM),"katanya.

Katanya, hasil lawatan ke Maghribi, Jor-

dan dan Mesir tahun ini turut menyaksikan pembiayaan mahasiswa diperluaskan dengan peruntukan RM3.45 juta kepada 988 pelajar.

Pada masa sama, Mohamed Azmin turut mengumumkan pembiayaan bisiswa RM5 juta bagi pelajar yang sedang dan akan mengikuti Program Kemahiran Teknikal, di Kolej Antarabangsa Inpens (INPENS).

Secara keseluruhan, peruntukan Peduli Siswa merangkumi bantuan sara diri kepada anak Selangor yang melanjutkan pengajian di Universiti Selangor (UNISEL), Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS) dan INPENS bagi meringankan beban sara hidup, sementara menunggu kelulusan pembiayaan pendidikan.

STRATEGI KETIGA : MEMPERKASA KUALITI PENDIDIKAN DAN KEMAHIRAN BERINOVASI

PROGRAM PEDULI SISWA



JABATAN KERJA RAYA KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada Kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia/PUKONSA/UPJK/Kementerian Kewangan dalam gred, kategori dan pengkhususan dan jenis pendaftaran yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat yang Memanggil Tawaran	Tajuk Projek	Taraf/Jenis Syarikat*	Gred, Kategori, Pengkhususan/ Kelas Tajuk & Tajuk Kecil/ Kelas, Kepala & Sub Kepala	Tempat & Tarikh Dokumen Mulai Dijual	Harga Dokumen & Bayaran Atas Nama	Tempat, Tarikh & Waktu Tender Tutup
Bahagian Kontrak dan Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor	PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK CADANGAN MEMBINA DAN MENYIAPKAN MASJID KOTA KEMUNING, SEKSYEN 31, SHAH ALAM, DAERAH KLANG, SELANGOR DARUL EHSAN JKR/SEL/ (N)049(T)/2017	Bumiputera T1	SPKK, PKK, STB & UPEN Gred: G7/G6/G5/G4 Kategori: ME Pengkhususan: E04,E11 & E17	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Selangor. 09/11/2017 (Khamis) Hingga 23/11/2017 (Khamis)	RM50.00 (Draf Bank/ Kiriman Wang/ Wang Pos) Atas Nama: Bendahari Negeri Selangor	Bahagian Kontrak & Ukur Bahan, JKR Negeri Selangor Tingkat. 1, Bangunan SSAAS 40582 Shah Alam, Selangor Pada: 30/11/2017 (Khamis) Sebelum/ Pada Jam 12.00 tengahari.

Lawatan Tapak di galakkan. Sebarang pertanyaan sila hubungi di Bahagian Elektrik, JKR Negeri Selangor. No. Telefon: 03 55447738

Bagi lawatan tapak atau sesi taklimat yang diwajibkan, hanya penama yang tercatat di dalam sijil PKK, SPKK, PUKONSA atau UPJK yang dibenarkan menghadiri lawatan tapak atau sesi taklimat berkenaan. Kontrak/syarikat tidak boleh mewakilkan pegawai lain selain daripada penama dalam PKK, SPKK, PUKONSA atau UPJK

Dokumen Meja Tender boleh disemak dan dokumen tender boleh diperolehi di pejabat-pejabat berkenaan semasa waktu pejabat.

Bayaran bagi dokumen tender hendaklah dibuat dalam bentuk draf bank / kiriman wang / wang pos di atas nama Ketua Akauntan Kementerian Kerja Raya. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil kontraktor yang sah sahaja. Untuk maksud ini, wakil kontraktor dikehendaki membawa perakuan / Sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor dan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan yang dikeluarkan oleh Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) serta Sijil Taraf Bumiputera yang dikeluarkan oleh Bahagian Pembangunan Usahawan (Jika berkenaan) berserta satu salinan sijil-sijil tersebut. Bagi kontraktor yang berdaftar dengan PUKONSA atau UPJK, wakil kontraktor yang sah dikehendaki membawa perakuan/sijil ASAL Perakuan Pendaftaran Kontraktor, Sijil Pendaftaran PUKONSA atau UPJK dan Sijil Taraf Bumiputera (jika berkenaan).

- *Jenis Pendaftaran: T1 - Syarikat 100% milik tempatan
- A1 - Syarikat 100% milik tempatan ATAU Syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL yang mempunyai ekuiti asing tidak melebihi 30% dan ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah 100% warganegara.
- A2 - Syarikat 100% milik tempatan ATAU syarikat tempatan yang disenaraikan di BSKL ATAU Syarikat Usahasama yang diperbadankan di Malaysia yang mempunyai pegangan ekuiti asing tidak melebihi 49% dan majoriti ahli Lembaga Pengarah, pengurusan dan pekerja adalah warganegara.



Pemberdayaan institusi Islam

RM106 juta membangun rohani

JABATAN Agama Islam Selangor (JAIS) terus berperanan memberdaya institusi Islam melalui pembangunan dan program melahirkan umat beriman serta berilmu dengan peruntukan RM106 juta, pada 2018.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, antara projek yang diberi keutamaan adalah pembinaan Masjid Bandar Teknologi Kajang bernilai RM12 juta dan Masjid Al-Ikhlâs, Taman Bukit Belimbing, Hulu Langat berjumlah RM16 juta.

Selain itu, katanya, Masjid Subang Bestari dan Masjid Kota Damansara 2, Seksyen 9 pula masing-masing diperuntukkan RM17 juta serta RM12 juta.

"Enam projek siap dibina, pada 2017 dengan nilai keseluruhan RM34.01 juta, manakala 14 projek ditender juga dengan nilai siling RM200.8 juta

STRATEGI KETIGA : MEMPERKASA KUALITI PENDIDIKAN DAN KEMAHIRAN BERINOVASI

PEMBERDAYAAN INSTITUSI ISLAM



membabitkan pembangunan lapan masjid, empat maa-had integrasi tahfiz sains dan teknologi (MITS) dan dua seko-

lah rendah agama (SRA).

"Pembangunan lain termasuk Masjid Kota Kemuning dan Masjid Seksyen 24, Shah Alam;

Masjid Putra Heights, Subang Jaya; Masjid Taman Alam Jaya, Kuala Selangor; Masjid Kampung Melayu Rasa, Hulu Se-

langor; Masjid Kampung Klang Gate, Gombak dan Masjid Darul Ehsan, Taman Tun Abdul Razak, Ampang," katanya.

Sementara itu, Mohamed Azmin berkata, dua MITS baru yang sedang dalam pembinaan adalah MITS Bagan Lalang, Sepang dan MITS Pandan, manakala dua lagi akan dinaik taraf.

Katanya, Kerajaan Negeri turut meluluskan peruntukan RM34 juta untuk pembinaan blok asrama baru dan bangunan akademik MITS Istana Bandar, Jugra, Kuala Langat.

"Dua minggu lalu, saya meluluskan peruntukan segera RM250,000 untuk membaik pulih dan menaik taraf pendawaian elektrik, di MITS Istana Bandar.

"Kerajaan Negeri akan meneruskan kerja menaik taraf asrama dan blok akademik MITS Bagan Terap dengan kos projek RM6 juta," katanya.

Hal ehwal selain Islam terima RM7 juta

SEJUMLAH RM7 juta diperuntukkan untuk memperkasa hal ehwal selain Islam di Selangor, pada tahun hadapan, umum Dato' Seri Mohamed Azmin Ali.

Dato' Menteri Besar itu berkata, RM6 juta disediakan untuk persatuan agama dan kaum selain Islam, manakala komuniti Sikh menerima peruntukan khas RM1 juta.

Katanya, peningkatan setengah juta kepada komuniti itu bertujuan menjalankan aktiviti kemasyarakatan dan menambah baik infrastruktur gurdwara.

"Kepelbagaian agama dan kaum adalah aset terpenting Selangor.

"Sehingga Oktober lalu, 518 persatuan menerima sumbangan RM5.1 juta bagi aktiviti keagamaan masing-masing,"

katanya.

Beliau berkata, Kerajaan Negeri juga bersetuju menyalurkan dana bantuan kemanusiaan RM1.5 juta menerusi Global Peace Mission Malaysia (GPM) dan Malaysian Life Line For Syria (MLLFS) yang diterajui WADAH-ABIM-PKPIM.

"Kezaliman rejim zionis di Palestin, pembunuhan umat Rohingya di Myanmar dan semua bentuk kekejaman serta penindasan terhadap minoriti umat Islam perlu mendapat respon tegas dengan tindakan substantif.

"Kerajaan Negeri mengalu-kan pendirian tegas Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengklasifikasikan jenayah pembunuhan umat Islam Rohingya sebagai 'genocide'," katanya.

STRATEGI KETIGA : MEMPERKASA KUALITI PENDIDIKAN DAN KEMAHIRAN BERINOVASI

PEMBERDAYAAN INSTITUSI ISLAM



Wakaf terus disemarak

BELANJAWAN 2018 menyaksikan Kerajaan Selangor bersetuju menyumbang RM5 juta kepada Tabung Wakaf Masjid Denai Alam untuk melengkapkan pembinaannya.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, Kerajaan Negeri menghargai inisiatif anak kariah, di Denai Alam yang menyumbang kepada tabung itu sehingga mencecah RM2 juta, termasuk sumbangan sektor swasta bernilai RM12 juta.

Katanya, wakaf merupakan institusi penting dalam sistem sosio ekonomi Islam dan berperanan besar terhadap sejarah agama, seperti zaman Empayar Ottoman yang membiayai kesihatan, pendidikan serta kebaji-

kan melalui sistem wakaf.

"Institusi wakaf ditadbir mutawalli dan lembaga amanah yang terikat dengan tanggungjawab moral serta perundangan melindungi harta wakaf termasuk harta alih dan tidak alih merangkumi harta intelek, kepa-karan juga perkhidmatan.

"Memandangkan wakaf dituntut dalam Islam, ia merupakan tabung amanah yang mempunyai kuasa ekonomi kuat memajukan masyarakat ke arah pertumbuhan ekonomi dan kemakmuran, di samping memberi perkhidmatan kebajikan hasil kekayaan ini.

"Justeru, sistem wakaf amat berkesan untuk menjamin prinsip pengagihan ekonomi adil

dan boleh menyumbang kepada merapatkan jurang sosio ekonomi dalam masyarakat serta mengurangkan kemiskinan," katanya.

Pada masa sama, Mohamed Azmin turut mencadangkan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS) mengambil langkah proaktif mempromosikan sistem wakaf selaras tuntutan syariah dan Enakmen Wakaf Selangor 2015.

Katanya, Kerajaan Negeri juga menggalakkan anggota perkhidmatan awam, sektor swasta dan umat Islam mendukung sistem wakaf melalui sumbangan dana kepada tabung diwujudkan PWS.

"Ia bagi pembangunan ekonomi termasuk pembinaan institusi Islam dan institusi pengajian Islam," katanya.

STRATEGI KELIMA : MEMBANGUN NEGERI PENYAYANG

KOMUNITI SIKH



STRATEGI KELIMA : MEMBANGUN NEGERI PENYAYANG

PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN

RM 10.4 JUTA

TAHUN 2018

PROGRAM JOM SHOPPING

BANTUAN BAUCAR PERAYAAN SEMPERNA TAHUN BARU CINA, HARI RAYA AIDILFITRI, DEEPAVALI

Tingkat ekonomi rakyat

RM10.4 juta basmi kemiskinan

PROGRAM pembasmian kemiskinan menerima peruntukan RM10.4 juta menerusi Belanjawan 2018 untuk meneruskan pelaksanaan program, pada tahun hadapan.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, peruntukan itu termasuk program Jom Shopping iaitu bantuan baucar perayaan sempena Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali.

"Sementara program Bantuan Blueprint Pembasmian Kemiskinan iaitu pemberian bantuan peralatan perniagaan seperti mesin memproses makanan dan mesin jahit memulakan perniagaan akan

diteruskan dengan peruntukan RM2 juta," katanya.

Sementara itu, katanya, program Kerajaan Prihatin akan mempergiatkan komitmen membantu golongan miskin berpendapatan isi rumah bawah RM1,500 sebulan memiliki rumah selesa dan selamat melalui peruntukan RM1.5 juta.

Beliau berkata, peruntukan itu meningkat setengah juta berbanding RM1 juta, pada tahun ini.

"Usaha ini dijangka dapat membantu 120 keluarga bagi 2018 berbanding 81 keluarga yang menerima bantuan Kerajaan Prihatin, pada 2017," katanya.

RM5.2 juta semarak aktiviti budaya dan seni

USAHA menyemarak dan memajukan kegiatan, aktiviti budaya serta seni dalam kalangan masyarakat dirancarkan menerusi peruntukan RM5.2 juta, pada 2018.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, antara inisiatif baru yang bakal dilaksanakan termasuk pementasan teater bagi karya sasterawan negara, persembahan simfoni Selangor dan pameran seni halus.

Katanya, Kerajaan Negeri juga akan melaksanakan program pembangunan bakat muda untuk merencanakan perkembangan seni dan budaya termasuk kegiatan penulisan kreatif ilham karya Rehman Rashid.

"Kerja menaik taraf bekas bangunan Pejabat Agama Islam Daerah Klang juga akan bermula hujung tahun ini untuk dijadikan Galeri Seni Lukis Selangor.

"Ia akan menjadi pusat pameran karya seni halus, seni lukis dan seni tampak serta menyediakan ruang untuk

menjalankan aktiviti seni juga mempromosikan hasil karya bakat baru," katanya.

Mohamed Azmin berkata, inisiatif baru juga akan diperkenalkan bagi memberi pencerahan kepada rakyat dengan fakta dan ilmu melalui program penguatkuasaan minda rakyat menerusi peruntukan RM12.3 juta.

Katanya, ia bertujuan menyuburkan masyarakat bermaklumat bagi melawan fenomena berita palsu dan politik kotor.

"Kerajaan Negeri juga akan menganjurkan pameran adat dan warisan bertaraf antarabangsa bermula akhir tahun ini dengan kerjasama Sekretariat Nasional Perkerisan Indonesia (SNKI).

"Pameran ini bagi meningkatkan minat dan kecintaan masyarakat kepada sejarah, adat serta warisan masyarakat Bugis yang menghasilkan epik La Galigo, di samping melahirkan pahlawan seperti Raja Haji juga pendeta Raja Ali Haji," katanya.

Kebajikan pekerja ladang tidak dipinggirkan



BELANJAWAN Selangor 2018 menyaksikan program pembangunan pekerja ladang diteruskan menerusi peruntukan RM500,000.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, ia bertujuan meningkatkan kemahiran se-perti menjahit, memasak, membaiki peralatan pejabat dan kenderaan untuk mengupayakan golongan itu menggilap potensi demi masa hadapan.

"Selain pemberdayaan pekerja ladang, Kerajaan Negeri turut mengambil berat pendidikan anak pekerja ladang dengan bercadang meningkatkan peruntukan dari RM1 juta kepada RM1.3 juta.

"Ia bertujuan membiayai Program Bantuan Subsidi Tambang Bas Sekolah dan Bantuan Yuran Pengajian ke institusi pengajian tinggi awam dan swasta," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata, inisiatif itu turut menyediakan peruntukan bagi penyampaian anugerah kecemerlangan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR) untuk anak pekerja ladang yang mendapat keputusan baik.

WAKTU SOLAT SELANGOR

8 - 14 NOVEMBER 2017
19 - 25 SAFAR 1439H

Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling, Shah Alam

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
08 Rabu	5:30	5:40	6:57	1:00	4:21	6:58	8:09
09 Khamis	5:30	5:40	6:57	1:00	4:21	6:58	8:10
10 Jumaat	5:30	5:40	6:57	1:00	4:21	6:58	8:10
11 Sabtu	5:30	5:40	6:57	1:00	4:21	6:58	8:10
12 Ahad	5:30	5:40	6:57	1:00	4:22	6:58	8:10
13 Isnin	5:30	5:40	6:57	1:00	4:22	6:58	8:10
14 Selasa	5:30	5:40	6:58	1:00	4:22	6:58	8:10

Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat

	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
08 Rabu	5:32	5:42	6:59	1:02	4:23	7:00	8:12
09 Khamis	5:32	5:42	6:59	1:02	4:23	7:00	8:12
10 Jumaat	5:32	5:42	6:59	1:02	4:23	7:00	8:12
11 Sabtu	5:32	5:42	6:59	1:02	4:24	7:00	8:12
12 Ahad	5:32	5:42	6:59	1:02	4:24	7:00	8:12
13 Isnin	5:32	5:42	7:00	1:02	4:24	7:00	8:12
14 Selasa	5:32	5:42	7:00	1:03	4:24	7:00	8:12

MAJLIS PERBANDARAN SEPANG
Persiaran Semarak Api, Cyber 1, 63208 CYBERJAYA, Selangor Darul Ehsan

KENYATAAN TENDER

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Negeri Selangor yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** dan **Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)** bagi kerja-kerja berikut :

BIL.	NO. TENDER	TAJUJ KERJA	BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG	HARGA DOKUMEN
1.	MP Sepang 400-10/12-52/2017 KEJ	Cadangan Kerja-Kerja Membina Laluan Pejalan Kaki Di Jalan Dahlia Perwira Untuk Majlis Perbandaran Sepang	CIDB, SPKK, G3 CE21 & (UPEN)	RM150.00

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera Negeri Selangor yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN) Negeri Selangor dan Sijil Arborist** bagi kerja-kerja berikut :

BIL.	NO. TENDER	TAJUJ KERJA	BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG	HARGA DOKUMEN
2.	MP Sepang 400-10/12-53/2017 LAND	Cadangan Kerja-Kerja Penyelenggaraan Landskap Lembut Bagi Kawasan Jalan Protocol Sebahagian Persiaran Bestari, Jalan Masuk Kelab Komuniti Cyberjaya, Sebahagian Persiaran Multimedia (Pokok Teduhan Yang Di Tanam Oleh Pihak Cyberview) Serta Di Hadapan Autoville Teknorat (1) Dan Island Di Persimpangan Bomba, LHDN, HP Cyberjaya Untuk Majlis Perbandaran Sepang	221002 (Membersih Kawasan) dan 221402 (Hiasan Jalan / Kawasan) dan Sijil Arborist	RM100.00

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor Bumiputera Negeri Selangor yang berdaftar dengan **Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)** bagi kerja-kerja berikut :

BIL.	NO. TENDER	TAJUJ KERJA	BIDANG, SUB BIDANG & PECAHAN BIDANG	HARGA DOKUMEN
3.	MP Sepang 400-10/12-54/2017 JKP	Cadangan Perkhidmatan Bagi Kerja-Kerja Mencuci Bangunan Dan Pembersihan Di Ibu Pejabat Majlis Perbandaran Sepang Cyberjaya Dan Pejabat Jabatan Landskap, Taman Tasik Cyberjaya Untuk Majlis Perbandaran Sepang	221001- (Pembersihan Bangunan Dan Pejabat) Dan 221002 - (Membersih Kawasan)	RM100.00

Dokumen tender boleh dibeli pada waktu pejabat di **Tingkat 3, Unit Tender Dan Kontrak**. Dokumen tender akan dikeluarkan mulai dari tarikh **09hb November 2017** hingga **29hb November 2017** dengan harga yang ditetapkan bagi senaskah (tidak dikembalikan). Dokumen Tender hanya dijual kepada kontraktor-kontraktor Bumiputera atau wakil yang mengemukakan **Surat Lantikan Wakil, Sijil Pendaftaran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** (bagi tender Bil. 1) dan **Kementerian Kewangan Malaysia (KKM)** (bagi tender bil. 2 dan 3) dan **Unit Perancang Ekonomi Negeri Selangor (UPEN)** yang asal. Bayaran hendaklah dibuat secara **Tunai, Wang Pos Atau Bank Draf** yang berpaling atas nama 'Yang Dipertua Majlis Perbandaran Sepang'.

Dokumen Tender yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri dengan menulis **No. Tender** disebelah sudut kiri sampul dan dimasukkan ke dalam peti tender di **Ruang Lobi Utama, Aras Dua, Majlis Perbandaran Sepang, Cyberjaya, Selangor Darul Ehsan** sebelum atau pada **jam 12.00 tengahari pada 29hb November 2017**.

Majlis Perbandaran Sepang tidak terikat untuk menerima tender yang terendah atau sebarang tender atau memberi apa-apa sebab tender itu ditolak dan juga tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kos perbelanjaan berhubung dengan tender ini dan sebarang keputusan adalah muktamad.

KENYATAAN TAWARAN

1. Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd mempelawa Kontraktor-kontraktor yang memiliki syarat - syarat pendaftaran seperti di bawah untuk membuat tawaran bagi kerja-kerja berikut:-

Perihal Kerja/No. Tender/ Harga Dokumen	Syarat Pendaftaran	Tarikh Jual Dokumen / Tutup Tender	Taklimat & Lawatan Tapak (Dijawabkan)
1. PROPOSE DESILTING WORKS OF LAGOON C1 AND LAGOON D2 AND ITS ASSOCIATED WORKS AT SG SELANGOR PHASE 2 WATER TREATMENT PLANT No. Tender: AIS/PROD/T15/10/2017 Harga Dokumen*: RM530.00	1. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Gred Minimum G4, Kategori CE, pengkhususan CE36 (Kerja-kerja tanah) atau CE21 (Pembinaan kejuruteraan Awam) DAN 2. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) Permit IPA SPAN minimum C2 atau D (Bekalan Air)	Tarikh Jual Dokumen 14 / 11 / 2017 hingga 16 / 11 / 2017 Tarikh Tutup Tender 22 / 11 / 2017	Tarikh & Masa Lawatan: 13 November 2017 (Isnin), 9.30 pagi Lokasi: Pintu Pagar Utama Loji Rawatan Air (LRA) Sg. Selangor Fasa 2, Mukim Bukit Badong, Kuala Selangor, Selangor Pegawai Untuk Dihubungi: En. Izan Suhaini (019-262 8757 / 012-527 7776) En. Faizul Irwan (013-380 7031)
2. PROPOSED CONSULTANCY SERVICES FOR DESIGN AND CONSTRUCTION SUPERVISION FOR UPGRADING SLUDGE HOLDING TANK AND OTHER ASSOCIATED WORKS FOR WANGSA MAJU, NORTH HUMMOCK, BUKIT NENAS, CHERAS MILES 11, SG GOMBAK & SG RANGKAP SLUDGE TREATMENT FACILITIES AND FOR CONSTRUCTION NEW STF AT SG SIREH WTP No. Tender: AIS/PROD/T16/10/2017 Harga Dokumen*: RM318.00	1. Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) Kod Bidang : 330101 (Kejuruteraan Awam) DAN 2. Lembaga Jurutera Malaysia (BEM) – Kategori Kejuruteraan Awam DAN 3. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN) Perakuan Pengiktirafan sebagai 'Orang yang Berkelayakan' (Qualified Person)	Tarikh Jual Dokumen 20 / 11 / 2017 hingga 24 / 11 / 2017 Tarikh Tutup Tender 6 / 12 / 2017	Diwajibkan menghadiri 2 hari lawatan tapak ke beberapa lokasi disekitar Negeri Selangor Tarikh & Masa Lawatan Pertama: 16 November 2017 (Khamis), 10.00 pagi Lokasi: Pintu Pagar Utama, Loji Rawatan Air (LRA) North Hummock (Diikuti dengan lawatan ke beberapa Loji Rawatan Air) Tarikh & Masa Lawatan Kedua: 17 November 2017 (Jumaat), 10.30 pagi Lokasi: Pintu Pagar Utama, Loji Rawatan Air (LRA) Sungai Sireh Pegawai Untuk Dihubungi: Pn. Junainah Ahamad (012-225 4893) En. Ahmad Badli Yusoff (013-4288348)
3. SUPPLY AND DELIVERY OF CONSUMABLE AND LABORATORY APPARATUS FOR AIR SELANGOR WATER QUALITY ANALYSIS IN ALL LABORATORY, SAMPLING ACTIVITIES, RIVER SURVEILLANCE ACTIVITIES AND DISTRIBUTION ACTIVITIES FOR THREE (3) YEARS No. Tender: AIS/WQLS/T14/10/2017 Harga Dokumen*: RM530.00	1. Kementerian Kewangan Malaysia, (MOF) Kod Bidang : 060501 (Peralatan Makmal Serta Aksesori)	Tarikh Jual Dokumen 13 / 11 / 2017 hingga 17 / 11 / 2017 Tarikh Tutup Tender 28 / 11 / 2017	-Tiada-
4. COLLECTION AND DISPOSAL OF DOMESTIC SOLID WASTE AT WATER TREATMENT PLANTS AND DAMS FOR PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN. BHD. No. Tender: AIS/PROD/T17/11/2017 Harga Dokumen*: RM318.00	1. Berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) - Berstatus Sendirian Berhad. DAN 2. Berdaftar dengan Kementerian Kewangan (MOF) Kod Bidang : 221003 (Khidmat Kebersihan Dan Rawatan – Mengangkat Sampah)	Tarikh Jual Dokumen 23 / 11 / 2017 hingga 27 / 11 / 2017 Tarikh Tutup Tender 6 / 12 / 2017	Diwajibkan menghadiri 2 hari lawatan tapak ke beberapa lokasi disekitar Negeri Selangor Tarikh & Masa Lawatan Tapak Pertama: 21 November 2017 (Selasa), 10.30 pag Lokasi: Bilik Mesyuarat Loji Pembersihan Air Sg. Semenyih, Presint 19, 62200 Putrajaya. (Disusuli lawatan ke beberapa lokasi-lokasi tapak cadangan Loji Pembersihan Air) Tarikh & Masa Lawatan Kedua: 22 November 2017 (Rabu), 10.00 pagi Lokasi: (Lokasi akan ditentukan pada sesi taklimat diatas) Pegawai Untuk Dihubungi: En. Khairul Fazri Bin Rani (011-32161911) En. Mohd Sapran Bin Hosnan (018-3174780)
5. THE SUPPLY, DELIVER, CONFIGURE, TEST, COMMISSION, SUPPORT, TRAINING AND PROVIDE WARRANTY FOR UPGRADE & ENHANCEMENT OF GEOGRAPHICAL INFORMATION SYSTEM (GIS) No. Tender: AIS/PCW/T8/11/2017 Harga Dokumen*: RM530.00	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) Kod Bidang:- 1. 210101 - Hardware (low end technology), Supply all types of Computer Software including PC, notebook, printer, document scanner, peripherals and maintenance ATAU 2. 210102- Hardware (high end technology), all type of Server, mainframe, high end printers, storage area network (SAN, NAS) including maintenance DAN 3. 210103 – Software, Supply all Computer Software, Operating System, Database, Off-the Shelf Packages including Maintenance ATAU 4. 210104 - Software/System Development / Customization and Maintenance including data entry, data processing DAN 5. 210110- Geographical Information System (GIS) Services	Tarikh Jual Dokumen 14 / 11 / 2017 hingga 22 / 11 / 2017 Tarikh Tutup Tender 27 / 11 / 2017	-Tiada-
6. THE SUPPLY, DELIVER, INSTALL, CONFIGURE, TEST, COMMISSION, SUPPORT, TRAINING AND PROVIDE WARRANTY FOR TERRESTRIAL LASER SCANNING, GLOBAL NAVIGATION SATELLITE SYSTEM, DRONE AND SCANNER PLOTTER AT PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN. BHD.	Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) Kod Bidang:- 1. 010501- Kamera dan Aksesori DAN 2. 100101 – Semua Peralatan Sukatan/Ukuran	Tarikh Jual Dokumen 14 / 11 / 2017 hingga 22 / 11 / 2017 Tarikh Tutup Tender 27 / 11 / 2017	-Tiada-



PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD (1082296-U)

KENYATAAN TAWARAN

1. Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd mempelawa Kontraktor-kontraktor yang memiliki syarat - syarat pendaftaran seperti di bawah untuk membuat tawaran bagi kerja-kerja berikut:-

<p>No. Tender: AIS/PCW/T9/11/2017 Harga Dokumen*: RM530.00</p>	<p>DAN</p> <p>3. 110501- Pesawat Udara</p> <p>DAN</p> <p>4. 210101 - Hardware (low end technology), Supply all types of Computer Software including PC, notebook, printer, document scanner, peripherals and maintenance</p> <p>ATAU</p> <p>5. 210102- Hardware (high end technology), all type of Server, mainframe, high end printers, storage area network (SAN, NAS) including maintenance</p> <p>DAN</p> <p>6. 210103 - Software – Supply all computer software, operating system, database, off-the-shelf packages including maintenance</p> <p>ATAU</p> <p>7. 210104 - Software/System Development / Customization and Maintenance including data entry, data processing</p> <p>DAN</p> <p>8. 210110- Geographic Information system (GIS) and Services</p>	<p><u>Tarikh Jual Dokumen</u> 14 / 11 / 2017 hingga 22 / 11 / 2017</p> <p><u>Tarikh Tutup Tender</u> 27 / 11 / 2017</p>	<p>-Tiada-</p>
<p>7. PACKAGE 6 – IMPROVEMENT OF DAMS ACCESS ROAD, RIP RAP, DRAIN & OTHER MISCELLANEOUS CIVIL WORKS FOR SEMENYIH DAM</p> <p>No. Tender: AIS/OS/T5/11/2017 Harga Dokumen*: RM318.00</p>	<p>1. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Gred : Minimum G4 Kategori : CE Pengkhususan :- B04 (Kerja-Kerja AM Bangunan) atau CE21(Pembinaan Kejuruteraan Awam)</p>	<p><u>Tarikh Jual Dokumen</u> 15 / 11 / 2017 hingga 22 / 11 / 2017</p> <p><u>Tarikh Tutup Tender</u> 28 / 11 / 2017</p>	<p><u>Tarikh & Masa Taklimat:</u> 14 November 2017 (Selasa), 10.30 pagi</p> <p><u>Lokasi:</u> Empangan Semenyih, Semenyih, Selangor</p> <p><u>Pegawai Untuk Dihubungi:</u> En. Nik Ashraf (No. H/P : 012-929 9168) En. Abu Bakar Nasshaaban (No. H/P : 019-230 9432) En. Mohd Ariff Majid (No. H/P : 017-397 4432)</p>
<p>8. PROPOSED UPGRADING WORKS FOR AIR SELANGOR STORE. PACKAGE 1 – KUALA LUMPUR, KLANG AND SHAH ALAM CENTRAL STORE</p> <p>No. Tender: AIS/PCW/T6/11/2017 Harga Dokumen*: RM318.00</p>	<p>1. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Gred : Minimum G4 Kategori : B Pengkhususan :- B04 (Kerja-Kerja AM Bangunan) atau B28 (Kerja-Kerja Ubahsuai)</p>	<p><u>Tarikh Jual Dokumen</u> 15 / 11 / 2017 hingga 21 / 11 / 2017</p> <p><u>Tarikh Tutup Tender</u> 8 / 12 / 2017</p>	<p><u>Tarikh & Masa Taklimat:</u> 13 November 2017 (Isnin), 10.30 pagi</p> <p><u>Lokasi:</u> Stor Wilayah Klang, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd Jalan Nipah Lorong 10, Pandamaran, 42000 Pelabuhan Klang, Selangor Darul Ehsan. 3°00'56.5"N 101°25'22.9"E</p> <p><u>Pegawai Untuk Dihubungi:</u> En. Megat Mohd Haliff (No. H/P: 019-282 9547) Pn. Zaitun Ahmad (No.H/P: 012-708 1903) En. Azril Izwan Ahmad (No. Phone : 03-2088 5372)</p>
<p>9. PROPOSED UPGRADING WORKS FOR AIR SELANGOR STORE. PACKAGE 2 – PETALING, KUALA LANGAT AND SEPANG</p> <p>No. Tender: AIS/PCW/T7/11/2017 Harga Dokumen*: RM318.00</p>	<p>1. Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Gred : Minimum G3 Kategori : B Pengkhususan :- B04 (Kerja-Kerja AM Bangunan) atau B28 (Kerja-Kerja Ubahsuai)</p>	<p><u>Tarikh Jual Dokumen</u> 15 / 11 / 2017 hingga 21 / 11 / 2017</p> <p><u>Tarikh Tutup Tender</u> 8 / 12 / 2017</p>	<p><u>Tarikh & Masa Taklimat:</u> 14 November 2017 (Isnin), 11.00 pagi</p> <p><u>Lokasi:</u> Pusat Stor Operasi Sungai Manggis, Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd Wilayah Kuala Langat, Jalan Dengkil, 42700 Banting, Selangor Darul Ehsan 2°49'40.6"N 101°32'35.2"E</p> <p><u>Pegawai Untuk Dihubungi:</u> En. Megat Mohd Haliff (No. H/P: 019-282 9547) Pn. Zaitun Ahmad (No.H/P: 012-708 1903) En. Azril Izwan Ahmad (No. Phone : 03-2088 5372)</p>

2. Naskah Meja Tender akan dipamerkan mulai tarikh dokumen dijual pada waktu pejabat di **Jabatan Perolehan, Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd., Tingkat 32, TM Annexe 2, Jalan Pantai Jaya, Off Jalan Pantai Baharu, 59200 Kuala Lumpur.** Sila hubungi No. 03-2088 5798 / 5386 untuk sebarang pertanyaan urusan pembelian dokumen tender.

3. Dokumen dijual secara 'softcopy' dan tuan/puan dikehendaki membawa pen drive yang bebas dari virus bagi pembelian dokumen tersebut. Sekiranya pentender tidak membawa pen drive, caj bayaran akan dikenakan sebanyak DUA KALI GANDA HARGA TENDER untuk pembelian secara 'Hardcopy'.

4. Setiap petender hanya dibenarkan membeli satu Dokumen Tender dan mengemukakan satu tawaran sahaja berbentuk 'Hardcopy'.

5. Penender yang ingin memasuki tawaran di atas adalah dikehendaki membuat pembayaran secara Wang Pos/Wang Kiriman Pos/Draf Bank yang dibuat atas nama "Syarikat Bekalan Air Selangor Sdn. Bhd." sebagai bayaran Dokumen Tender. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai tidak diterima.

6. Jika tidak hadir sendiri, wakil syarikat/kontraktor hendaklah membawa surat pengesahan wakil yang telah ditauliahkan. Dokumen tender akan dikeluarkan kepada wakil-wakil kontraktor yang sah sahaja.

7. Wakil-wakil kontraktor/syarikat hendaklah membawa sijil asal berkaitan; serta SIJIL ASAL PENGIKTIRAFAN TARAF BUMIPUTERA (Jika bertaraf bumiputera) berserta salinannya.

8. Dokumen tender hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tender yang disediakan pada tarikh tender ditutup di alamat :

**Jabatan Perolehan,
Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd.,
Tingkat 32, TM Annexe 2,
Jalan Pantai Jaya, Off Jalan Pantai Baharu,
59200 Kuala Lumpur**

pada hari tersebut tidak lewat dari jam 3.00 petang pada tarikh tutup tersebut.

9. Maklumat mengenai kenyataan tawaran ini boleh diakses melalui laman web <https://www.syabas.com.my/business/current-tender#1>

Walaupun notis Tender ini dikeluarkan oleh Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd., penganugerahan kepada penender yang berjaya untuk kerja-kerja/pembekalan yang disebutkan di atas juga boleh diberikan oleh mana-mana anak syarikat Pengurusan Air Selangor Sdn. Bhd.

*Harga dokumen tender/sebut harga termasuk 6% Cukai Barangan & Perkhidmatan (CBP)/Goods & Services Tax (GST).



Masa depan negara dalam genggaman 'millennials'

RM27.83 juta berdaya belia, sukan

PEMBANGUNAN generasi muda dan sukan terus mendapat pembelaan Kerajaan Negeri menerusi peruntukan RM27.83 juta untuk melaksanakan pelbagai program, pada 2018.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, RM11.74 juta dari peruntukan itu digunakan untuk menaik taraf infrastruktur sukan, di setiap daerah bagi mencapai objektif Selangor peneraju kecemerlangan sukan.

Katanya, antara projek yang akan diberi keutamaan adalah membaiki Stadium Shah Alam dan Stadium Malawati (RM5 juta), Stadium Kota Raja (RM3.5 juta) dan Dewan Gimnastik Sekinchan (RM1 juta).

"RM2.2 juta pula diperuntukkan untuk menaik taraf infrastruktur sukan, di peringkat

Dewan Negeri.

"Dasar Belia Selangor digubal untuk membangunkan generasi muda progresif, berdaya saing dan dinamik, justeru kita tidak boleh menafikan sukan adalah aspek integral dalam pembangunan generasi muda sihat juga kuat," katanya.

Mohamed Azmin berkata, Kerajaan Negeri juga akan menyediakan RM7 juta bagi kemajuan sukan dan pembangunan olahragawan serta olahragawati untuk Sukan Malaysia (SUKMA) 2018.

Beliau turut mengucapkan tahniah kepada atlet Selangor yang mewakili Malaysia dalam Temasya Sukan SEA ke-29 yang menunjukkan prestasi cemerlang dengan merangkul 41 pingat emas.

"Saya juga mengucapkan tahniah kepada Majlis Sukan

STRATEGI KEEMPAT : MERAYAKAN BUDAYA, WARISAN, INTELEK & MENYEGARKAN JASMANI DAN LINGKUNGAN

PEMBANGUNAN GENERASI MUDA & SUKAN

RM 7 JUTA

MEMBANGUN
OLAHRAGAWAN &
OLAHRAGAWATI
SUKMA 2018

PEMBANGUNAN
GENERASI
MUDA & SUKAN
RM 27.83
JUTA

RM 11.74 JUTA

MENAIKTARAF
INFRASTRUKTUR
SUKAN

- ▶ RM 5 JUTA
MEMBAIKI STADIUM SHAH ALAM & STADIUM MALAWATI
- ▶ RM 3.5 JUTA
STADIUM KOTA RAJA
- ▶ RM 1 JUTA
DEWAN GIMNASTIK SEKINCHAN
- ▶ RM 2.2 JUTA
NAIKTARAF INFRASTRUKTUR SUKAN DEWAN NEGERI

Negeri (MSN) Selangor kerana berjaya menganjurkan Kejohanan Berbasikal Tour de Selangor 2017 yang cukup berprestij dan bertaraf antara-

bangsa," katanya.

Pada masa sama, beliau turut mengumumkan peruntukan RM9.09 juta untuk pembangunan generasi muda termasuk In-

sentif Perkahwinan Belia berjumlah RM5 juta dan program anjuran Penggerak Belia Tempatan (PeBT) sebanyak RM1.44 juta.

Pelancongan terima RM7.25 juta



SEJUMLAH RM7.25 juta disediakan Kerajaan Negeri untuk pembiayaan promosi dan acara pelancongan, pembangunan produk serta industri kraf tangan, pada 2018.

Dato' Menteri Besar, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali berkata, sehingga September lalu, 25 projek naik taraf produk pelancongan dilaksanakan dengan tumpuan khusus kepada 'eco-sport'.

"Antaranya ialah 'sky mirror' di Kuala Selangor dan penaik tarafan kemudahan aktiviti sukan air, di Tasik Biru Kundang.

"Selain itu, kita juga berusaha mengembangkan aktiviti sukan air seperti luncur angin, kayak dan jetski serta aktiviti menye-

lam di tasik semula jadi," katanya.

Terdahulu, dalam Belanjawan 2017, Kerajaan Negeri menekankan aspek 'sports tourism', antaranya penganjuran Paragliding Championship Accuracy di Bukit Jugra, Viper Challenge dan Raja Muda Selangor International Regatta untuk menarik pelancong.

Usaha itu bagi menatik penyertaan masyarakat dunia terhadap pelancongan sukan melalui penciptaan dan penganjuran pelbagai acara.

Belanjawan 2018 menyaksikan RM1.66 bilion diperuntukkan untuk belanja pembangunan, sementara RM1.46 bilion bagi belanja pengurusan.

Rancangan Khas Pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia - Yayasan Selangor

**PENGAMBILAN
PELAJAR TINGKATAN 1
2018**

Tarikh Tutup Permohonan :
1 Disember 2017

Sila hubungi :

Bahagian Hal Ehwal Pelajar
Yayasan Selangor
Tingkat 17, Menara Yayasan Selangor,
No. 18A, Persiaran Barat,
46000 Petaling Jaya, Selangor

Tel : 03-7669 1218 / 1158 / 1177 / 1150 / 1141
Faks : 03-7954 1790 / 1862
Email : hop@yselangor.com

• MERAKYATKAN PENDIDIKAN SELANGOR

Layari laman sesawang www.yayasanselangor.org.my untuk maklumat lanjut.

